

TERHAD



JABATAN PERDANA MENTERI  
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

# ARAHAN NADMA NO. 1

---

DASAR DAN MEKANISME  
PENGURUSAN BENCANA NEGARA

TERHAD



TERHAD



**JABATAN PERDANA MENTERI  
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA**

**ARAHAN NADMA  
NO. 1**

**DASAR DAN MEKANISME  
PENGURUSAN BENCANA NEGARA**

TERHAD



## PRAKATA

Susulan daripada kejadian Pangsapuri Highland Towers di Hulu Klang, Selangor runtuh pada 11 Disember 1993, Jemaah Menteri pada 18 Mei 1994 telah memutuskan untuk mewujudkan satu mekanisme pengurusan Bencana dan diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM). MKN, JPM telah mengeluarkan Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara pada 11 Mei 1997.

Ekoran Bencana banjir besar yang berlaku sewaktu Monsun Timur Laut (MTL) 2014/2015, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 26 Ogos 2015 telah bersetuju dengan penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi mengambil alih peranan agensi peneraju utama pengurusan Bencana daripada MKN, JPM di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Keputusan Jemaah Menteri dengan jelas telah memberi kuasa kepada NADMA sebagai agensi peneraju utama untuk menjalankan apa-apa kewajipan yang termaktub bagi memastikan pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana, dikendalikan secara bersepada oleh semua agensi di setiap peringkat dengan lebih efisien dan efektif. Seterusnya, mesyuarat juga bersetuju supaya pengendalian Bencana di tempat kejadian masih menggunakan prinsip perintah dan kawalan di bawah Arahan MKN No. 20 selain mengekalkan peranan semua agensi yang terlibat dalam pengurusan Bencana.

Berikutan senario Bencana yang semakin meruncing, aktiviti manusia serta risiko kemunculan ancaman baharu (*new emerging threats*), pengurusan Bencana tidak boleh lagi bergantung kepada Arahan MKN No. 20 sedia ada. Untuk itu, Sidang MKN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Ogos 2024 telah bersetuju untuk membatalkan Arahan MKN No. 20 dan menggantikannya dengan satu arahan baharu yang dikenali sebagai Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.

Arahan NADMA No. 1 ini digubal selaras keputusan-keputusan Jemaah Menteri, perubahan semasa, corak serta kerumitan kejadian Bencana pada masa ini. Arahan ini menggariskan mekanisme pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana secara lebih menyeluruh. Setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana di setiap peringkat bertanggungjawab melaksanakan peranan masing-masing selaras dengan Arahan ini. Arahan ini juga akan dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang pembaziran, kekeliruan, konflik dan percanggahan atau pertindihan peranan semasa menangani Bencana.

Tumpuan utama kepada pengurusan Bencana adalah ke arah Pengurangan Risiko Bencana secara menyeluruh dan berterusan melalui program-program Pencegahan, Mitigasi Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan Bencana. Usaha ini adalah selaras dengan inisiatif yang dilakukan di peringkat serantau dan antarabangsa. Arahan ini berupaya menjadi panduan kepada semua pihak untuk menguruskan sesuatu Bencana dengan lebih cekap dan berkesan.

## KANDUNGAN

<b>PRAKATA</b>	<b>I</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>II</b>
<b>HURUF RINGKAS</b>	<b>V</b>
<b>BAHAGIAN I: PERMULAAN</b>	<b>1</b>
PERKARA 1: TAJUK RINGKAS DAN PERMULAAN KUAT KUASA	1
PERKARA 2: TUJUAN	1
PERKARA 3: TAFSIRAN	1
PERKARA 4: KEJADIAN BUKAN BENCANA	5
PERKARA 5: KEJADIAN BENCANA	5
<i>Bencana Maritim</i>	6
<i>Bencana Udara dan Angkasa</i>	6
<i>Bencana Kimia, Biologi, Radiologi, Nuklear dan Letupan</i>	6
<i>Bencana Jerebu</i>	7
<i>Bencana Pandemik/Epidemik/Zoonosis</i>	7
<b>BAHAGIAN II: TANGGUNGJAWAB NADMA</b>	<b>7</b>
PERKARA 6: TANGGUNGJAWAB NADMA	7
<b>BAHAGIAN III: MEKANISME PENGURUSAN BENCANA</b>	<b>8</b>
PERKARA 7: JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA	8
<i>Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat Kebangsaan (Maritim dan Udara)</i>	8
PERKARA 8: TANGGUNGJAWAB PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN NEGERI	8
PERKARA 9: TANGGUNGJAWAB PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI DAN DAERAH	8
<b>BAHAGIAN IV: PENGURANGAN RISIKO BENCANA</b>	<b>9</b>
PERKARA 10: PENCEGAHAN DAN MITIGASI	9
PERKARA 11: KESIAPSIAGAAN	9
PERKARA 12: SISTEM AMARAN AWAL	10
PERKARA 13: LATIH AMAL DAN SIMULASI ANTARA AGENSI	10
PERKARA 14: KESEDARAN AWAM	11
PERKARA 15: LATIHAN	11
<b>BAHAGIAN V: MEKANISME TINDAK BALAS BENCANA</b>	<b>11</b>
PERKARA 16: TAHAP PENGURUSAN BENCANA	11
PERKARA 17: MEKANISME TINDAK BALAS	12
<i>Tatacara Pengurusan Tindak Balas Bencana</i>	12
<i>Perintah dan Kawalan</i>	14
<i>Komunikasi di Tempat Kejadian</i>	16
<i>Pengaktifan dan Penutupan PKTK dan PKOB</i>	16
<i>Pengurusan Bencana di Tempat Kejadian Mengikut Zon</i>	16
<i>Garis Panduan Dalam Pengendalian Kejadian Bencana</i>	17

## **TERHAD**

PERKARA 18: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI TINDAK BALAS DALAM PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN	18
PERKARA 19: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI BANTUAN DAN PEMULIHAN DAN BADAN-BADAN SUKARELA DALAM KERJA-KERJA BANTUAN DAN PEMULIHAN DI TEMPAT KEJADIAN	18
PERKARA 20: PERATURAN TETAP OPERASI AGENSI KERAJAAN	18
PERKARA 21: KERJASAMA DARIPADA AGENSI KERAJAAN, BADAN BERKANUN, PIHAK SWASTA DAN BADAN-BADAN SUKARELA SERTA ORANG PERSEORANGAN	18
PERKARA 22: PUSAT PENGURUSAN MEDIA	19
PERKARA 23: KENYATAAN DAN LAIN-LAIN PERUTUSAN	19
PERKARA 24: BANTUAN KEMANUSIAAN DAN TINDAK BALAS BENCANA DARI DAN KE LUAR NEGARA	19
<b>BAHAGIAN VI: PEMULIHAN</b>	<b>19</b>
PERKARA 25: LANGKAH PEMULIHAN SELEPAS BENCANA	19
<b>BAHAGIAN VII: PERISYTIHARAN DARURAT BENCANA</b>	<b>20</b>
PERKARA 26: PERISYTIHARAN DARURAT BENCANA	20
<b>BAHAGIAN VIII: PENGURUSAN MAKLUMAT</b>	<b>20</b>
PERKARA 27: PENGURUSAN MAKLUMAT	20
<b>BAHAGIAN IX: PENGURUSAN KEWANGAN</b>	<b>21</b>
PERKARA 28: PENGURUSAN KEWANGAN	21
<b>BAHAGIAN X: PERUNTUKAN AM</b>	<b>21</b>
PERKARA 29: PERMULAAN KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN ARAHAN INI	21
PERKARA 30: HAL-HAL LAIN	21
<b>LAMPIRAN A</b>	<b>22</b>
<b>TANGGUNGJAWAB NADMA DALAM PENGURUSAN BENCANA</b>	
<b>LAMPIRAN B</b>	<b>24</b>
<b>JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP)</b>	
<b>LAMPIRAN C</b>	<b>28</b>
<b>JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI (JPBN)</b>	
<b>LAMPIRAN D</b>	<b>31</b>
<b>JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA DAERAH (JPBD)</b>	
<b>LAMPIRAN E</b>	<b>35</b>
<b>TANGGUNGJAWAB PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN NEGERI</b>	
<b>LAMPIRAN F</b>	<b>36</b>
<b>BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KOMANDER OPERASI BENCANA</b>	

**TERHAD**

<b>LAMPIRAN G</b>	<b>38</b>
<b>CARTA PERANAN AGENSI-AGENSI YANG TERLIBAT DALAM PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN</b>	
<b>LAMPIRAN H</b>	<b>39</b>
<b>PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN MENGIKUT ZON</b>	
<b>LAMPIRAN I</b>	<b>40</b>
<b>GARIS PANDUAN DALAM PENGENDALIAN KEJADIAN BENCANA</b>	
<b>LAMPIRAN J</b>	<b>41</b>
<b>CARTA ALIRAN FASA PERGERAKAN DALAM PENGENDALIAN KEJADIAN BENCANA</b>	
<b>LAMPIRAN K</b>	<b>42</b>
<b>PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI TINDAK BALAS DALAM PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN</b>	
<b>LAMPIRAN L</b>	<b>51</b>
<b>PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI BANTUAN DAN PEMULIHAN DAN BADAN-BADAN SUKARELA DALAM KERJA-KERJA BANTUAN DAN PEMULIHAN DI TEMPAT KEJADIAN</b>	
<b>LAMPIRAN M</b>	<b>65</b>
<b>CARTA PENYALURAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI PENGURUSAN DAN BANTUAN BENCANA</b>	

**HURUF RINGKAS**

Huruf-huruf ringkas yang digunakan di dalam Arahan NADMA No. 1 ini adalah seperti berikut:

<b>AAR</b>	: Pasca Nilai <i>(After Action Review)</i>
<b>APM</b>	: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
<b>APMM</b>	: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
<b>ATM</b>	: Angkatan Tentera Malaysia
<b>Atom Malaysia</b>	: Jabatan Tenaga Atom <i>(Department of Atomic Energy Malaysia)</i>
<b>BBA</b>	: Bahagian Bekalan Air
<b>BCP</b>	: Pelan Kesinambungan Perkhidmatan <i>(Business Continuity Plan)</i>
<b>BODEVAC</b>	: <i>Body Evacuation</i>
<b>BSMM</b>	: Bulan Sabit Merah Malaysia
<b>CAAM</b>	: Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia <i>(Civil Aviation Authority of Malaysia)</i>
<b>CASEVAC</b>	: <i>Casualties Evacuation</i>
<b>CBRNE</b>	: Kimia, Biologi, Radiologi, Nuklear dan Letupan <i>(Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosives)</i>
<b>CCC</b>	: Pusat Kawalan Kontinen <i>(Contingent Control Centre)</i>
<b>DaaS</b>	: <i>Data as a Service</i>
<b>DCC</b>	: Pusat Kawalan Daerah <i>(District Control Centre)</i>
<b>DGIM</b>	: <i>Defence Geospatial Information Management</i>
<b>DOSM</b>	: Jabatan Perangkaan Malaysia <i>(Department of Statistics Malaysia)</i>
<b>DVI</b>	: Pengenalan Mangsa Bencana <i>(Disaster Victim Identification)</i>
<b>DVS</b>	: Jabatan Perkhidmatan Veterinar <i>(Department of Veterinary Services)</i>
<b>ERP</b>	: Pelan Tindak Balas Kecemasan <i>(Emergency Response Plan)</i>
<b>GeoDataraya</b>	: Geospatial dan Dataraya
<b>GIRN</b>	: Sistem Komunikasi Bersepadu Kerajaan <i>(Government Integrated Radio Network)</i>

<b>GIS</b>	: Sistem Maklumat Geografi ( <i>Geographic Information System</i> )
<b>GPS</b>	: Sistem Penentudukan Global ( <i>Global Positioning System</i> )
<b>IaaS</b>	: <i>Infrastructure as a Service</i>
<b>IAEA</b>	: Agensi Tenaga Atom Antarabangsa ( <i>International Atomic Energy Agency</i> )
<b>ICS</b>	: Sistem Pengurusan Kejadian ( <i>Incident Command System</i> )
<b>ICT</b>	: Teknologi Maklumat dan Komunikasi ( <i>Information and Communications Technology</i> )
<b>IMAT</b>	: Industri Makanan dan Asas Tani
<b>IPU</b>	: Indeks Pencemaran Udara
<b>JaPen</b>	: Jabatan Penerangan
<b>JAS</b>	: Jabatan Alam Sekitar
<b>JBPM</b>	: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
<b>JKKN</b>	: Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri
<b>JKKP</b>	: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
<b>JKM</b>	: Jabatan Kebajikan Masyarakat
<b>JKR</b>	: Jabatan Kerja Raya
<b>JLM</b>	: Jabatan Laut Malaysia
<b>JMG</b>	: Jabatan Mineral dan Geosains
<b>JPBD</b>	: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah
<b>JPBN</b>	: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri
<b>JPBP</b>	: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat
<b>JPM</b>	: Jabatan Perdana Menteri
<b>JPS</b>	: Jabatan Pengairan dan Saliran
<b>JUPEM</b>	: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
<b>KaaS</b>	: <i>Knowledge as a Service</i>
<b>KDNK</b>	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
<b>KIMIA Malaysia</b>	: Jabatan Kimia Malaysia
<b>KKM</b>	: Kementerian Kesihatan Malaysia
<b>KPDN</b>	: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
<b>KPKM</b>	: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
<b>KPM</b>	: Kementerian Pendidikan Malaysia

## TERHAD

<b>KWABBN</b>	: Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara
<b>K9</b>	: Unit Anjing Pengesan
<b>MCC</b>	: Pusat Kawalan Malaysia <i>(Malaysia Control Centre)</i>
<b>MEDIVAC</b>	: <i>Medical Evacuation</i>
<b>MET Malaysia</b>	: Jabatan Meteorologi Malaysia
<b>MKN</b>	: Majlis Keselamatan Negara
<b>MKN, JPM</b>	: Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
<b>MOSTI</b>	: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
<b>MyGDI</b>	: Infrastruktur Data Geospatial Negara
<b>MYSA</b>	: Agensi Angkasa Malaysia
<b>NADMA</b>	: Agensi Pengurusan Bencana Negara <i>(National Disaster Management Agency)</i>
<b>NAMSAR</b>	: Manual Mencari dan Menyelamat Aeronautika dan Maritim Kebangsaan <i>(National Aeronautical and Maritime Search and Rescue Manual)</i>
<b>NDCC</b>	: Pusat Kawalan Bencana Negara <i>(National Disaster Command Centre)</i>
<b>PaaS</b>	: <i>Platform as a Service</i>
<b>PDRM</b>	: Polis Diraja Malaysia
<b>PGN</b>	: Pusat Geospatial Negara
<b>PGO</b>	: Pusat Gerakan Operasi
<b>PHC</b>	: Pangkalan Hadapan CARILAMAT
<b>PKH</b>	: Pos Kawalan Hadapan
<b>PKOB</b>	: Pusat Kawalan Operasi Bencana
<b>PKOD</b>	: Pusat Kawalan Operasi Daerah
<b>PKON</b>	: Pusat Kawalan Operasi Negeri
<b>PKOP</b>	: Pusat Kawalan Operasi Pusat
<b>PKTK</b>	: Pos Kawalan Tempat Kejadian
<b>POP</b>	: Pusat Operasi Pertahanan
<b>PPDA</b>	: Pasukan Penyelamatan Di Air
<b>PPO</b>	: Pusat Pengurusan Operasi
<b>PPON</b>	: Pusat Pengurusan Operasi Negara
<b>PTO</b>	: Peraturan Tetap Operasi
<b>PTNK</b>	: Pusat Pengurusan Tindakbalas Nuklear Kebangsaan
<b>RAT</b>	: Pasukan Tindakan Pantas ( <i>Rapid Action Team</i> )

## **TERHAD**

<b>RELA</b>	: Jabatan Sukarelawan Malaysia
<b>SAR</b>	: Mencari dan Menyelamat ( <i>Search and Rescue</i> )
<b>SKMM</b>	: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia
<b>SMART</b>	: Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia ( <i>Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team</i> )
<b>TNB</b>	: Tenaga Nasional Berhad
<b>USAR</b>	: <i>Urban Search and Rescue</i>

**AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA**

**ARAHAN NADMA NO. 1**

**BAHAGIAN I: PERMULAAN**

**PERKARA 1: TAJUK RINGKAS DAN PERMULAAN KUAT KUASA**

1. Arahan NADMA No. 1 ini bolehlah dinamakan sebagai Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana (selepas ini dirujuk sebagai “Arahan ini”).
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri dan terpakai kepada semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta, badan-badan sukarela dan orang perseorangan.

**PERKARA 2: TUJUAN**

3. Arahan ini bertujuan untuk membatalkan dan seterusnya menggantikan Arahan MKN No. 20 (Semakan Semula) yang dikeluarkan pada 30 Mac 2012.
4. Arahan ini bertujuan menggariskan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana secara menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian Bencana, termasuk Pengurangan Risiko Bencana di darat. Arahan ini juga menjelaskan peranan dan tanggungjawab Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana.
5. Bagi kejadian Bencana maritim dan Bencana udara dan angkasa, ia di bawah bidang kuasa Agensi Peneraju berkaitan.

**PERKARA 3: TAFSIRAN**

6. Bagi maksud Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki tafsiran yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai tafsiran yang berikut:

**“Agensi Bantuan dan Pemulihan”** ertinya Agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bantuan kebajikan, khidmat kaunseling, logistik, pembangunan/Pemulihan semula dan sebagainya dalam pengurusan Bencana negara;

**“Agensi Kerajaan”** ertinya semua agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan di semua lapisan pentadbiran sama ada di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah termasuk Pihak Berkuasa Tempatan;

**“Agensi Peneraju”** ertinya agensi yang dipertanggungjawabkan mengurus sesuatu kejadian Bencana mengikut bidang kepakaran masing-masing;

**“Agenzi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)”** ertinya agensi yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan sebagai agensi peneraju utama untuk menerajui pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana negara secara keseluruhannya;

**“Agenzi Sokongan”** ertinya Agensi Kerajaan atau pihak-pihak berkaitan yang boleh menyokong perlaksanaan Tindak Balas operasi berdasarkan keperluan dan kepakaran masing-masing;

**“Agenzi Teknikal”** ertinya Agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memberi khidmat kepada dari segi teknikal dan saintifik ketika sesuatu kejadian Bencana;

**“Agenzi Tindak Balas”** ertinya Agensi Kerajaan seperti di Lampiran K yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Tindak Balas ketika sesuatu kejadian Bencana;

**“Bahan Berbahaya”** ertinya adalah bahan letupan, bahan mudah terbakar, gas mampat, *cryogenic*, racun dan toksik, agen reaktif (pengoksidaan), bahan radioaktif, bahan menghakis dan bahan biologikal atau kombinasi;

**“Bencana”** ertinya suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan atau impak kepada alam sekitar serta ekosistem, yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembangan sumber yang ekstensif;

**“Darurat Bencana”** ditakrifkan sebagai satu keadaan Bencana besar yang melibatkan banyak nyawa terkorban, kemusnahan harta benda yang ekstensif, menggugat keadaan sosial, ekonomi dan politik serta keselamatan dan ketenteraman awam;

**“Epidemik”** ertinya kejadian penyakit dengan bilangan kes di sesuatu tempat/lokasi melebihi bilangan kes pada waktu biasa atau melebihi kadar biasa;

**“Incident Command System (ICS)”** ertinya sistem standard kepada perintah, kawalan dan penyelarasaran tindak balas kecemasan yang berkesan melibatkan pelbagai agensi dan penggembangan aset yang bersepada secara berstruktur;

**“Kejadian Bukan Bencana”** ertinya kejadian atau kemalangan yang bersifat kecemasan yang melibatkan sejumlah kecil mangsa dan kesannya hanya kepada mangsa terlibat. Kejadian atau kemalangan yang bercorak ini tidak mempunyai kemungkinan untuk merebak. Kejadian atau kemalangan ini dapat dikendalikan dalam tempoh masa yang spesifik diketuai oleh agensi berdasarkan bidang kuasa dan kepakaran serta menggunakan Peraturan Tetap Operasi (PTO) Agensi Kerajaan mengikut jenis insiden dan menggunakan sumber atau kemudahan yang minima di peringkat tempatan;

**“Kesedaran Awam”** ertinya pengetahuan umum mengenai Bencana dan risiko serta faktor berlakunya Bencana dan tindakan yang boleh diambil secara individu atau secara kolektif untuk mengurangkan kejadian dan kesan Bencana;

**“Kesiapsiagaan”** ertinya pengetahuan dan keupayaan yang dibangunkan oleh agensi, masyarakat dan individu supaya berkebolehan untuk menjangka, bertindak balas, dan pulih daripada kesan-kesan Bencana secara efektif;

**“Komander Kawalan Hadapan (*Forward Commander*)”** ertinya seseorang yang dilantik oleh Komander Operasi Bencana berdasarkan kepakaran dalam kalangan Agensi Tindak Balas untuk mengetuai sesuatu Tindak Balas operasi di tempat kejadian (Zon Merah). Komander Kawalan Hadapan boleh dilantik lebih daripada seorang berdasarkan kepada kompleksiti, kepelbagaiannya Bencana atau keluasan sesuatu Bencana yang memerlukan pembahagian kawasan operasi;

**“Komander Operasi Bencana”** ertinya pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mengetuai, menyelaras dan membuat keputusan bagi sesuatu operasi di tempat kejadian Bencana iaitu Ketua Polis Daerah (Bencana Tahap I), Ketua Polis Negeri (Bencana Tahap II) dan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (Bencana Tahap III);

**“Majlis Keselamatan Negara”** ertinya Majlis yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [Akta 776];

**“Mitigasi”** ertinya usaha-usaha yang dijalankan bagi mengurangkan impak sesuatu kejadian Bencana;

**“Pandemik”** ertinya kejadian penyakit dengan bilangan kes melebihi kadar biasa yang berlaku di banyak negara dan wilayah di seluruh dunia dan melibatkan populasi yang besar;

**“Pemulihan”** ertinya proses membaik pulih dan menambah baik yang bersesuaian terhadap kemudahan dan kehidupan masyarakat yang terjejas akibat Bencana termasuk langkah mengurangkan faktor Risiko Bencana;

**“Pencegahan”** ertinya usaha-usaha yang dijalankan bagi mengelak sesuatu kejadian Bencana daripada berlaku;

**“Pengurangan Risiko Bencana”** ertinya satu konsep dan amalan secara sistematis untuk menganalisis dan menguruskan faktor penyebab Bencana, termasuk mengurangkan keterdedahan terhadap bahaya Bencana dan kemusnahaan harta benda, mengamalkan pengurusan tanah dan alam sekitar yang mampan, serta mempertingkatkan Kesiapsiagaan individu, masyarakat dan agensi untuk menghadapi Bencana;

**“Pos Kawalan Hadapan (PKH)”** ertinya tempat di mana Komander Kawalan Hadapan (*Forward Commander*) menyelaras Tindak Balas operasi Agensi Tindak Balas di tempat kejadian Bencana;

**“Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)”** ertinya tempat di mana Komander Operasi Bencana menyelaras dan menentukan atur gerak dan Tindak Balas Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan dan Agensi Bantuan dan Pemulihan bagi mengendalikan operasi Bencana di lapangan di samping memastikan perkara-perkara berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam dikendalikan dengan baik;

**“Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)”** ertinya tempat di mana Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat menyelaras dan memantau perkembangan usaha-usaha menangani dan mengurus Bencana, operasi mencari dan menyelamat serta bantuan kecemasan dan kemanusiaan dilaksanakan dengan segera, teratur dan berkesan;

**“Pusat Pemindahan”** ertinya bangunan atau kawasan yang diisytiharkan oleh Pengerusi JPBD yang boleh digunakan untuk menempatkan mangsa sewaktu Bencana. Bangunan atau kawasan ini hendaklah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti ruangan, bekalan air bersih, elektrik, kemudahan membersihkan diri dan sentiasa selamat digunakan;

**“Risiko Bencana”** ertinya kemungkinan kehilangan nyawa, kecederaan, kemusnahan atau kerosakan aset atau harta benda, yang boleh mengimpak apa-apa sistem termasuk sistem urus tadbir negara, ekonomi, sosial dan ekologi, yang memberi kesan kepada masyarakat atau komuniti, alam sekitar atau ekosistem pada sesuatu masa berdasarkan kebarangkalian berlakunya Bencana disebabkan faktor keterdedahan, kerentanan atau keupayaan;

**“Sekretariat”** ertinya Agensi Kerajaan yang menjalankan kerja-kerja kerusetiaan dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana serta apa-apa tugas yang diarahkan oleh Pengerusi JPB/PB/JPB;

**“Setiausaha”** ertinya seseorang yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat untuk menyelaras dan memantau keputusan JPB/PB/JPB serta segala urusan berkaitan Bencana di setiap fasa pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana termasuk menyelaras Tindak Balas di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) semasa berlakunya Bencana;

**“Sistem Amaran Awal”** ertinya sistem untuk menjana dan menyebarkan amaran berkenaan sesuatu kejadian Bencana dalam tempoh masa yang bersesuaian bagi membolehkan individu, masyarakat dan organisasi bersiap sedia dan bertindak sewajarnya dalam tempoh masa yang mencukupi untuk mengurangkan kemungkinan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa;

**“Timbalan Komander Operasi Bencana”** ertinya pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang menyokong Komander Operasi Bencana bagi mengetuai, menyelaras dan membuat keputusan bagi sesuatu operasi di tempat kejadian Bencana iaitu Ketua Zon Bomba/Penolong Pengarah Operasi Negeri (Bencana Tahap I), Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri (Bencana Tahap II) dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi, JBPM (Bencana Tahap III);

## TERHAD

**“Tindak Balas”** ertinya tindakan penyediaan perkhidmatan kecemasan, operasi mencari dan menyelamat, perkhidmatan perubatan kecemasan, bantuan logistik, bantuan awam, serta lain-lain bantuan ketika sesuatu kejadian Bencana dengan tujuan menyelamatkan nyawa, mengurangkan kerosakan harta benda, menjamin keselamatan awam dan membantu dari segi keperluan asas mangsa; dan

**“Zoonosis”** ertinya penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia.

### PERKARA 4: KEJADIAN BUKAN BENCANA

7. Kejadian Bukan Bencana adalah tidak tertakluk di bawah Arahan ini. Contoh Kejadian Bukan Bencana adalah seperti kemalangan kendaraan, kebakaran kecil atau kemalangan kecil di tasik atau sungai.

### PERKARA 5: KEJADIAN BENCANA

8. Dalam keadaan semua kejadian Bencana di bawah Arahan ini, NADMA akan menyelaras bersama Agensi Peneraju di mana perlu dalam menjalankan fungsinya.
9. Kejadian Bencana di bawah Arahan ini adalah:
  - (a) Bencana alam seperti kejadian banjir, ribut/taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar, kemarau dan tanah runtuh;
  - (b) Bencana industri termasuklah kejadian letusan, kebakaran, pencemaran dan kebocoran Bahan Berbahaya (*hazardous materials*) atau bahan-bahan yang secara kolektif meningkatkan risiko bahaya, di dalam atau di luar premis kilang, loji, depot atau kawasan yang memproses, mengeluar dan menyimpan bahan-bahan berkenaan;
  - (c) Kemalangan melibatkan penyimpanan, pengangkutan, penyaluran dan pemindahan Bahan Berbahaya;
  - (d) Keruntuhan bangunan, binaan dan struktur khas;
  - (e) Kemalangan udara yang berlaku di kawasan yang berkependudukan tinggi;
  - (f) Pelanggaran atau kegelinciran kereta api dan lain-lain sistem pengangkutan rel yang melibatkan jumlah mangsa dan kemusnahan harta benda yang besar atau memberi impak kepada alam sekitar;
  - (g) Kebakaran besar yang melibatkan kawasan yang luas, kawasan strategik, kawasan berkependudukan tinggi, termasuklah kebakaran bangunan tinggi, binaan, struktur khas dan kebakaran hutan berskala besar yang menjaskan ramai orang;
  - (h) Kejadian empangan/takungan air pecah melibatkan kawasan yang berkependudukan tinggi dan memberi impak kepada alam sekitar;

## **TERHAD**

- (i) Bencana kimia, biologi, radiologi, nuklear dan letupan melibatkan pepasan atau yang berkaitan dengannya yang mana kemalangan ini berkemungkinan boleh merebak dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda, radiasi atau pencemaran atau kerosakan yang memberi kesan kepada manusia, alam sekitar serta menjelaskan aktiviti setempat;
- (j) Kejadian jerebu yang boleh menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar yang mengugat keselamatan, kesihatan dan ketenteraman awam, perjalanan pentadbiran Kerajaan dan aktiviti ekonomi negara;
- (k) Kejadian wabak penyakit Pandemik, Epidemik dan Zoonosis; dan
- (l) Lain-lain kejadian Bencana yang akan diisyiharkan dan ditetapkan oleh Kerajaan.

### **Bencana Maritim**

10. Kejadian Bencana maritim yang berpunca daripada kejadian kemalangan atau kecemasan maritim yang melibatkan nyawa dan harta benda, dikendalikan oleh Agensi Pengawalaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Manual Mencari dan Menyelamat Aeronautika dan Maritim Kebangsaan (*National Aeronautical and Maritime Search and Rescue Manual – NAMSAR*). Bagi kejadian tumpahan minyak atau kemalangan yang melibatkan pencemaran atau kemusnahan alam sekitar maritim akan dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Malaysia (*Malaysia Oil Spill Contingency Plan – MOSCoP*) dan Jabatan Laut Malaysia (JLM) sebagai Pemerintah Tempat Kejadian (*On-Scene Commander*).

### **Bencana Udara dan Angkasa**

11. Kejadian Bencana udara yang berpunca daripada kejadian kemalangan atau kecemasan udara terutamanya yang melibatkan kapal terbang secara amnya dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Manual Mencari dan Menyelamat Aeronautika dan Maritim Kebangsaan (*National Aeronautical and Maritime Search and Rescue Manual – NAMSAR*). Manakala kejadian Bencana angkasa yang melibatkan objek buatan manusia dan objek astronomi semula jadi dikawal selia di bawah Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

12. Kemalangan atau kecemasan udara dan angkasa yang berlaku di kawasan yang berkependudukan tinggi adalah tertakluk kepada Arahan ini.

### **Bencana Kimia, Biologi, Radiologi, Nuklear dan Letupan**

13. Kejadian Bencana akibat kemalangan CBRNE dan Bahan Berbahaya termasuklah Bencana dan kemalangan industri dikendalikan oleh JBPM sebagai

## **TERHAD**

Agensi Peneraju dan dibantu oleh ATM dalam menangani Bencana ini. Agensi Teknikal adalah:

- (a) **Atom Malaysia** – memberikan khidmat kepakaran dan teknikal dalam pengurusan Bencana radiologi dan nuklear melalui Pusat Pengurusan Tindakbalas Nuklear Kebangsaan (PTNK);
- (b) **JAS, KIMIA Malaysia dan JKKP** – memberikan khidmat kepakaran dan teknikal dalam pengurusan Bencana kimia;
- (c) **KKM** – memberikan khidmat kepakaran dan teknikal dalam pengurusan Bencana biologi; dan
- (d) **JKKP** – memberikan khidmat kepakaran dan nasihat berkaitan pepasangan yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 dan perkara-perkara berkaitan kemungkinan berlakunya kemalangan bahaya besar (*major hazard*) dalam perindustrian.

### **Bencana Jerebu**

14. Bencana jerebu diisyiharkan apabila tahap bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) meningkat ke satu tahap yang menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar yang menggugat keselamatan, kesihatan dan ketenteraman awam, perjalanan pentadbiran Kerajaan dan aktiviti ekonomi negara. Kejadian Bencana jerebu dikendalikan oleh JAS sebagai Agensi Peneraju berdasarkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

### **Bencana Pandemik/Epidemik/Zoonosis**

15. Kejadian penularan Pandemik/Epidemik/Zoonosis adalah tertakluk di bawah Arahan ini. KKM bertanggungjawab sebagai Agensi Peneraju dalam pengurusan kejadian Bencana Pandemik/Epidemik/Zoonosis berkaitan manusia manakala DVS sebagai Agensi Peneraju dalam pengurusan Bencana atau Zoonosis berkaitan haiwan.

## **BAHAGIAN II: TANGGUNGJAWAB NADMA**

### **PERKARA 6: TANGGUNGJAWAB NADMA**

- 16. NADMA adalah agensi peneraju utama pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana negara. NADMA bertanggungjawab menyelaras pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana negara dan bertanggungjawab untuk membentuk serta memastikan segala dasar dan mekanisme pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana negara dipatuhi dan dilaksanakan di setiap peringkat.
- 17. Tanggungjawab NADMA dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana negara adalah seperti di **Lampiran A**.

### **BAHAGIAN III: MEKANISME PENGURUSAN BENCANA**

#### **PERKARA 7: JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

18. Pengurusan Bencana hendaklah dikendalikan berdasarkan tiga (3) peringkat pengurusan seperti berikut:
- (a) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP);
  - (b) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN); dan
  - (c) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).
19. Keanggotaan, bidang tugas dan tanggungjawab setiap Jawatankuasa adalah seperti di **Lampiran B, C dan D**.
20. Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana bagi setiap peringkat adalah seperti berikut:
- (a) JPBP - NADMA;
  - (b) JPBN - APM Negeri; dan
  - (c) JPBD - APM Daerah.

#### **Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat Kebangsaan (Maritim dan Udara)**

21. Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat (SAR) Kebangsaan adalah sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menggubal dasar, strategi dan pelan tindakan penyelarasaran mencari dan menyelamat maritim dan udara. Jawatankuasa ini bertanggungjawab, antara lain, mengeluarkan dan mengemaskini dari semasa ke semasa Manual Mencari dan Menyelamat Aeronautika dan Maritim Kebangsaan (*National Aeronautical and Maritime Search and Rescue Manual – NAMSAR*) sebagai panduan operasi mencari dan menyelamat maritim dan udara.

#### **PERKARA 8: TANGGUNGJAWAB PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN NEGERI**

22. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri bertanggungjawab menentukan kelincinan pengurusan dan pengendalian Bencana di negeri masing-masing. Dalam hubungan ini, Pengerusi JPBN adalah bertanggungjawab kepada Pengerusi JKKN. Tanggungjawab Pengerusi JPBN kepada Pengerusi JKKN adalah sebagaimana yang ditetapkan di **Lampiran E**.

#### **PERKARA 9: TANGGUNGJAWAB PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI DAN DAERAH**

23. Pengerusi JPBN adalah bertanggungjawab kepada Pengerusi JPBP manakala Pengerusi JPBD adalah bertanggungjawab kepada Pengerusi JPBN.

## BAHAGIAN IV: PENGURANGAN RISIKO BENCANA

### PERKARA 10: PENCEGAHAN DAN MITIGASI

24. Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana di setiap peringkat hendaklah, secara bersendirian atau bekerjasama:

- (a) menyedia dan mengemaskinikan dasar, pelan tindakan dan garis panduan masing-masing bagi mencegah dan mengurangkan Risiko Bencana;
- (b) melaksanakan program-program pembangunan bagi mencegah atau mengurangkan Risiko Bencana;
- (c) merancang dan melaksanakan tindakan Mitigasi untuk mengurangkan Risiko Bencana termasuk usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam pengurusan Bencana;
- (d) menguatkuasa undang-undang dan peraturan masing-masing yang berkaitan dan mengamalkan tadbir urus yang berkesan;
- (e) berkongsi maklumat berhubung Pencegahan dan Mitigasi Bencana; dan
- (f) melaksanakan lain-lain usaha Pencegahan dan Mitigasi dari semasa ke semasa.

### PERKARA 11: KESIAPSIAGAAN

25. Tertakluk kepada Arahan ini, semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana di setiap peringkat hendaklah, secara bersendirian atau bekerjasama:

- (a) mengenal pasti, mendokumentasi dan memantau serta mengemaskini kawasan yang berisiko menghadapi Bencana mengikut jenis Bencana dan bidang kuasa masing-masing;
- (b) menyediakan infrastruktur Sistem Amaran Awal mengikut bidang kuasa masing-masing;
- (c) membangun dan memantapkan keupayaan dari segi sumber manusia dan kompetensi, peralatan, perhubungan dan komunikasi, teknologi, kewangan dan sebagainya supaya langkah Tindak Balas yang diambil dapat diselaraskan dengan berkesan;
- (d) melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai Bencana di segenap lapisan masyarakat;
- (e) membangunkan kepakaran dan kemahiran dalam pengurusan Bencana;

## **TERHAD**

- (f) menyediakan Pelan Tindak Balas Kecemasan (ERP) dan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (BCP) masing-masing;
- (g) menyediakan inventori logistik yang lengkap dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi mempercepatkan Tindak Balas Bencana;
- (h) mengadakan latih amal secara berterusan untuk menguji tahap Kesiapsiagaan bagi menghadapi Bencana;
- (i) melaksanakan lain-lain usaha Kesiapsiagaan dari semasa ke semasa;
- (j) memastikan langkah Kesiapsiagaan bersetujuan dengan dasar pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana yang dikeluarkan oleh NADMA dari semasa ke semasa; dan
- (k) berkongsi maklumat berhubung langkah-langkah Kesiapsiagaan.

### **PERKARA 12: SISTEM AMARAN AWAL**

- 26. Semua Agensi Kerajaan hendaklah membangunkan, menyelenggara dan menilai dari semasa ke semasa, Sistem Amaran Awal yang merangkumi:
  - (a) penilaian secara berterusan Risiko Bencana;
  - (b) sistem maklumat amaran Bencana;
  - (c) rangkaian komunikasi untuk memastikan penyampaian maklumat yang cepat, tepat dan berkesan; dan
  - (d) Kesedaran Awam dan Kesiapsiagaan awam untuk bertindak terhadap maklumat daripada Sistem Amaran Awal.
- 27. Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela hendaklah berkongsi maklumat mengenai risiko berlakunya kejadian Bencana kepada NDCC dan Agensi Tindak Balas supaya tindakan segera dapat diambil.
- 28. Semua Agensi Kerajaan hendaklah mengaktifkan Sistem Amaran Awal masing-masing bagi memaklumkan ancaman berlakunya Bencana kepada orang awam.

### **PERKARA 13: LATIH AMAL DAN SIMULASI ANTARA AGENSI**

- 29. Latih amal dan simulasi pengurusan dan pengendalian Bencana yang melibatkan semua Agensi Kerajaan hendaklah diadakan secara bersepudu dan berterusan yang diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat bagi memastikan Kesiapsiagaan agensi dalam menghadapi Bencana. Semua Agensi Kerajaan juga hendaklah mengendalikan latih amal mengikut kepakaran masing-masing.

**PERKARA 14: KESEDARAN AWAM**

30. Program Kesedaran Awam melibatkan semua Agensi Kerajaan hendaklah diadakan secara bersepada dan berterusan yang diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat bagi mendidik dan meningkatkan tahap Kesiapsiagaan serta membina daya tahan masyarakat menghadapi Bencana. Semua Agensi Kerajaan juga hendaklah mengendalikan program ini mengikut kepakaran masing-masing.

**PERKARA 15: LATIHAN**

31. Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana di setiap peringkat hendaklah mengadakan program latihan yang bersesuaian bagi mempertingkatkan keupayaan pegawai-pegawai dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana.

**BAHAGIAN V: MEKANISME TINDAK BALAS BENCANA**

**PERKARA 16: TAHP PENGURUSAN BENCANA**

32. Agensi Tindak Balas dan/atau Agensi Teknikal perlu membuat penilaian sejauh mana kejadian atau kemalangan yang berlaku memerlukan Tindak Balas mekanisme pengurusan Bencana mengikut Arahan ini.
33. Sekiranya penilaian mendapati bahawa kejadian atau kemalangan yang menjurus kepada Bencana, Agensi Tindak Balas/Agensi Teknikal hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi JPBD/JPBN/JPBP (mengikut mana bersesuaian berdasarkan Tahap Pengurusan Bencana).
34. Selepas menilai maklumat Bencana, Pengerusi JPBD/JPBN/JPBP hendaklah memutus dan mengisyiharkan tahap Bencana yang berlaku dan seterusnya mengarahkan supaya PKOB diaktifkan jika perlu, dan pengurusan maklumat adalah seperti di Perkara 27.
35. Penentuan tahap pengurusan Bencana dinilai berdasarkan elemen-elemen berikut:
- (a) kompleksiti dan magnitud;
  - (b) kemusnahan dan kerosakan;
  - (c) kemampuan sumber kewangan, tenaga manusia dan kelengkapan;
  - (d) kepakaran;
  - (e) bantuan; dan
  - (f) tempoh masa Tindak Balas.
36. Tahap-tahap pengurusan dan pengendalian Bencana adalah seperti berikut:
- (a) "Pengurusan Bencana Tahap I" ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku di sesuatu kawasan dan ianya dapat

## **TERHAD**

ditangani dengan berkesan oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam pengurusan Bencana di peringkat Daerah yang memerlukan penggembangan sumber di peringkat Daerah dengan bantuan yang terhad daripada peringkat Negeri dan Pusat.

- (b) "Pengurusan Bencana Tahap II" ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku lebih daripada satu Daerah di Negeri yang sama atau berlaku di suatu kawasan yang memerlukan penggembangan sumber di peringkat Negeri dengan bantuan yang terhad daripada peringkat Pusat. Walau bagaimanapun, sekiranya sesuatu Bencana melibatkan lebih daripada satu Daerah, tetapi masih mampu diuruskan di peringkat Daerah, ia masih lagi boleh dianggap sebagai Bencana Tahap I.
- (c) "Pengurusan Bencana Tahap III" ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku lebih daripada satu negeri atau bersifat kompleks di suatu kawasan yang memerlukan penyelarasaran dan penggembangan sumber di peringkat Pusat atau dengan bantuan dari luar negara. Walau bagaimanapun, sekiranya sesuatu Bencana melibatkan lebih daripada satu negeri, tetapi masih mampu diuruskan di peringkat Negeri masing-masing, ia masih lagi boleh dianggap sebagai Bencana Tahap II.

## **PERKARA 17: MEKANISME TINDAK BALAS**

### **Tatacara Pengurusan Tindak Balas Bencana**

37. Tatacara Tindak Balas Bencana di setiap peringkat pentadbiran Kerajaan bagi mengurus sesuatu kejadian Bencana mengikut tahap-tahap yang disebutkan di bawah Perkara 16 adalah melalui mekanisme seperti yang berikut:

- (a) **Pengurusan Bencana Tahap I (Peringkat Daerah)**
  - i) sesuatu kejadian Bencana pada peringkat permulaan hendaklah dikendalikan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab dengan menggunakan kemudahan-kemudahan dan sumber-sumber yang ada di peringkat pentadbiran Daerah. Agensi Tindak Balas atau mana-mana agensi berkaitan yang pertama tiba di tempat kejadian perlu bertindak segera dalam konteks menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kerosakan dan kerugian serta mengawal situasi mengikut kepakaran/bidang tugas masing-masing.
  - ii) Ketua Polis Daerah dan Ketua Zon Bomba, selepas mendapat maklumat mengenai sesuatu kejadian Bencana, hendaklah mengambil alih dan bertindak segera untuk mengendalikan Bencana berkenaan dengan dibantu oleh Agensi Tindak Balas serta agensi-agensi lain yang berkenaan. Ketua Polis Daerah dan Ketua Zon Bomba hendaklah masing-masing bertindak sebagai Komander dan Timbalan Komander Operasi Bencana.
  - iii) Pengerusi JPBD bertanggungjawab merangka Tindak Balas Bencana dan memastikan Tindak Balas Bencana dilaksanakan dan diuruskan secara teratur.

- iv) Pengerusi JPBD bersama-sama Komander Operasi Bencana bertanggungjawab membuat penilaian mengenai kejadian dan keupayaan semua agensi di peringkat Daerah dalam mengendalikan Bencana tersebut bagi menetapkan tahap pengurusan Bencana dan membuat perisytiharan melalui kaedah yang sesuai. Apabila Bencana Tahap I telah diisyiharkan, Sekretariat JPBD adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan pengaktifan JPBD. Dalam proses Tindak Balas menangani Bencana itu dilaksanakan, Pengerusi JPBD hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi JPBN berkaitan. Sekiranya sesuatu Bencana tidak dapat ditangani di peringkat Daerah, Pengerusi JPBD hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi JPBN untuk penyelarasan bantuan segera. Jentera pengurusan Bencana di peringkat Daerah hendaklah terus beroperasi walaupun setelah mendapat bantuan daripada peringkat Negeri dan Pusat.

**(b) Pengurusan Bencana Tahap II (Peringkat Negeri)**

- i) Pengurusan Bencana Tahap II bermaksud JPBN mengguna dan menggerakkan sumber-sumber di bawah kawalannya bagi membantu pengurusan kejadian Bencana di peringkat Daerah atau mengambil alih tugas mengurus kejadian Bencana tersebut dari pengurusan Bencana di peringkat Daerah secara keseluruhan.
- ii) Ketua Polis Negeri dan Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri adalah bertanggungjawab sebagai Komander dan Timbalan Komander Operasi Bencana apabila pengendalian Bencana diambil alih secara keseluruhannya oleh peringkat Negeri.
- iii) Pengerusi JPBN bertanggungjawab untuk menggerakkan jentera pengurusan Bencana di peringkat Negeri bagi memastikan segala tindakan dilaksanakan secara teratur dan cekap.
- iv) Pengerusi JPBN bersama-sama Komander Operasi Bencana bertanggungjawab membuat penilaian mengenai Bencana dan keupayaan semua agensi di peringkat Negeri dalam mengendalikan Bencana tersebut bagi menetapkan tahap pengurusan Bencana dan membuat perisytiharan melalui kaedah yang sesuai. Dalam proses Tindak Balas menangani Bencana itu dilaksanakan, Pengerusi JPBN hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri.
- v) Pengerusi JPBN atas nasihat Komander Operasi Bencana bertanggungjawab menentukan keupayaan agensi-agensi dalam mengendalikan sesuatu Bencana dan jika bantuan diperlukan, Pengerusi JPBN hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Pengerusi JPBP.

**(c) Pengurusan Bencana Tahap III (Peringkat Pusat)**

- i) Pengurusan Bencana Tahap III bermaksud JPBP mengguna dan menggerakkan sumber-sumber di bawah kawalannya bagi membantu pengurusan kejadian Bencana di peringkat Negeri dan Daerah atau

mengambil alih tugas mengurus kejadian Bencana tersebut secara keseluruhan.

- ii) Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi, JBPM bertanggungjawab sebagai Komander dan Timbalan Komander Operasi Bencana apabila pengurusan Bencana diambil alih secara keseluruhannya oleh peringkat Pusat.
- iii) NADMA bertanggungjawab menggerakkan JPPB bagi menentukan semua perkara yang melibatkan dasar dan keputusan berkaitan operasi mencari dan menyelamat dan gerakan bantuan kepada mangsa Bencana dan sebagainya dilaksanakan secara cekap dan berkesan.
- iv) Pengerusi JPPB bersama-sama Komander Operasi Bencana/Agensi Peneraju bertanggungjawab membuat penilaian mengenai Bencana dan keupayaan semua agensi di peringkat Pusat dalam mengendalikan Bencana tersebut bagi menetapkan tahap pengurusan Bencana dan membuat perisytiharan melalui kaedah yang sesuai. Dalam proses Tindak Balas menangani Bencana itu dilaksanakan, Pengerusi JPPB hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Persekutuan.
- v) Setelah penilaian dibuat dan didapati bahawa pengurusan Bencana di dalam negara tidak mempunyai keupayaan yang mencukupi atau kepakaran tertentu untuk menangani sesuatu kejadian Bencana tersebut, JPPB melalui NADMA boleh menyelaras permohonan atau menerima tawaran bantuan dari negara-negara luar atau pertubuhan antarabangsa.

### **Perintah dan Kawalan**

38. Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) hendaklah diaktifkan bagi memastikan tindakan menangani kejadian Bencana dilaksanakan secara teratur dan berkesan. Walau bagaimanapun, perintah dan kawalan ini tertakluk kepada perenggan 43 Arahan ini.

#### **(a) Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)**

- i) PKTK hendaklah diaktifkan sebaik sahaja berlakunya sesuatu kejadian Bencana yang memerlukan tindakan secara bersepada pelbagai agensi. Ketua Polis Daerah adalah bertanggungjawab untuk membuka PKTK.
- ii) Komander Operasi Bencana bertanggungjawab mewujudkan suatu struktur organisasi bagi tujuan Tindak Balas operasi yang bersepada seperti *Incident Command System* (ICS), sistem rangkaian komunikasi antara agensi serta penyaluran maklumat yang berkesan ke semua peringkat.
- iii) Komander Operasi Bencana bertanggungjawab untuk menilai, mengurus dan menyelaras semua Tindak Balas operasi di tempat kejadian. Bidang Tugas dan Tanggungjawab Komander Operasi Bencana di Tempat Kejadian adalah seperti di **Lampiran F**.

- iv) Bergantung kepada magnitud dan kompleksiti sesuatu Bencana yang memerlukan pembahagian kawasan operasi, Komander Operasi Bencana boleh melantik Komander Kawalan Hadapan (*Forward Commander*) dari mana-mana Agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran/kompetensi untuk membuka Pos Kawalan Hadapan (PKH) dan mengetuai semua Tindak Balas di kawasan Bencana serta melapor setiap gerak kerja Tindak Balas kepada Komander Operasi Bencana.
- v) Semua Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dalam pengurusan Bencana di tempat kejadian hendaklah melapor dan menempatkan wakil masing-masing yang bersesuaian ke PKTK sebelum memulakan tugas masing-masing. Carta Peranan Agensi-Agenzi Yang Terlibat Dalam Pengurusan Bencana Di Tempat Kejadian seperti di **Lampiran G**.
- vi) PKTK perlu melaporkan perkembangan dan perkara-perkara berkaitan kepada PKOB.

**(b) Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)**

- i) PKOB hendaklah diaktifkan oleh Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat yang berkaitan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah, Bilik Gerakan Negeri atau NDCC atau di mana-mana tempat yang bersesuaian mengikut tahap pengurusan Bencana. PKOB hendaklah mempunyai suatu sistem rangkaian komunikasi yang lengkap bagi menghubungkannya dengan PKTK.
- ii) Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat yang berkaitan hendaklah bersidang secara berkala di PKOB bagi mengawasi perkembangan dan menentukan usaha-usaha menangani Bencana, operasi mencari dan menyelamat serta bantuan kecemasan dilaksanakan dengan segera, teratur dan berkesan.
- iii) PKOB Daerah bertanggungjawab melaporkan perkembangan kepada PKOB Negeri dan PKOB Negeri bertanggungjawab melaporkan perkembangan kepada PKOB Pusat. Setiap PKOB bertanggungjawab mengeluarkan arahan-arahan perlu dalam pengendalian Bencana yang berlaku.
- iv) Agensi Kerajaan yang berkenaan bertanggungjawab menempatkan pegawai perhubungan di PKOB untuk melicinkan tindakan yang perlu diambil hasil daripada keputusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang berkaitan.
- v) PKOB di setiap peringkat hendaklah merekod dan menyelaras bantuan-bantuan yang diterima oleh badan berkanun, pihak swasta, badan-badan sukarela dan orang perseorangan serta melaporkan bantuan tersebut ke Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat.

### **Komunikasi di Tempat Kejadian**

39. Sistem komunikasi antara agensi-agensi terlibat di tempat kejadian serta komunikasi kepada PKOB hendaklah menggunakan Rangkaian Komunikasi Radio Bersepadu Kerajaan (GIRN) dan diselaraskan oleh Komander Operasi Bencana.

### **Pengaktifan dan Penutupan PTKK dan PKOB**

40. Ketetapan pengaktifan dan penutupan PTKK dan PKOB bergantung kepada arahan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat. Dalam keadaan tertentu, Agensi-agensi Peneraju berkaitan boleh memaklumkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat untuk mengaktifkan atau menutup PTKK dan PKOB.
41. Penutupan PTKK tidak semestinya bermaksud bahawa PKOB juga boleh ditutup secara serentak tetapi PKOB perlu terus beroperasi sehingga fasa Pemulihan awal selesai dilaksanakan.
42. Walau bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat boleh mempertimbangkan supaya keanggotaan di PKOB dikurangkan mengikut kesesuaian operasi bagi menyokong pentadbiran Pemulihan awal.
43. Keperluan pengaktifan PTKK atau PKOB adalah bergantung kepada situasi dan juga kejadian Bencana. Bagi Bencana yang tertumpu kepada aktiviti Pengurangan Risiko Bencana yang mana tidak memerlukan Tindak Balas mencari dan menyelamat atau pengungsian (*evacuation*), memadai untuk mengaktifkan PKOB serta PTKK yang akan diselaraskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat dan dianggotai oleh Agensi Peneraju atau Agensi Teknikal yang berkaitan. Manakala sekiranya Tindak Balas dijangka akan mengambil tempoh masa yang singkat, memadai hanya mengaktifkan PTKK sahaja yang mana Tindak Balas tersebut boleh dikendalikan di tempat kejadian dan memaklumkan situasi kepada Sekretariat secara berkala.

### **Pengurusan Bencana di Tempat Kejadian Mengikut Zon**

44. Agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan Bencana di tempat kejadian dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu:
- (a) Agensi Tindak Balas;
  - (b) Agensi Teknikal;
  - (c) Agensi Sokongan; dan
  - (d) Agensi Bantuan dan Pemulihan.
45. Bagi melicinkan pentadbiran dan pengoperasian PTKK, PDRM, JBPM dan APM akan menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan menjadi perantara di antara PTKK dan PKOB.

## TERHAD

46. Peta Khas Bencana dan maklumat GeoDataraya akan disediakan oleh JUPEM bagi membantu melancarkan pentadbiran dan pengoperasian di PKTK dan PKOB.
47. Sekiranya kejadian Bencana yang berlaku bersifat setempat, pengurusan Bencana di tempat kejadian terbahagi kepada tiga (3) zon iaitu:
  - (a) **Zon Merah** meliputi suatu kawasan tempat kejadian yang ditetapkan oleh Komander Operasi Bencana. Zon ini adalah kawasan operasi khas untuk Agensi Tindak Balas dan Agensi Teknikal yang mempunyai tahap kepakaran dan kelengkapan tertentu sahaja berdasarkan keperluan strategi Tindak Balas Bencana dan faktor keselamatan.
  - (b) **Zon Kuning** meliputi suatu kawasan di luar tempat kejadian yang ditetapkan oleh Komander Operasi Bencana. Zon ini menempatkan PKTK dan pos-pos Agensi Tindak Balas dan mana-mana pasukan khas yang ditubuhkan oleh mana-mana Agensi Kerajaan yang mempunyai kepakaran khas untuk menjalankan tugas bersama dan membantu Agensi Tindak Balas. Penempatan pos-pos Agensi Tindak Balas dan mana-mana pasukan khas ini perlu mendapat kebenaran daripada Komander Operasi Bencana.
  - (c) **Zon Hijau** meliputi kawasan yang mengelilingi Zon Kuning. Zon ini menempatkan petugas-petugas dari Agensi Bantuan dan Pemulihan serta badan-badan sukarela. Zon ini juga menempatkan Pusat Pengurusan Media, Pusat Keluarga Mangsa, Pusat Kaunseling, Tempat Bekalan Makanan, Tempat Rehat dan Tempat Mayat serta lain-lain fungsi yang diputuskan oleh Komander Operasi Bencana.
48. Jarak antara zon adalah bergantung kepada strategi Tindak Balas Bencana yang berlaku dan hendaklah ditetapkan oleh Komander Operasi Bencana. Komander Operasi Bencana hendaklah mengenal pasti Agensi Tindak Balas yang diperlukan bagi menjalankan operasi mencari dan menyelamat di zon-zon yang telah ditetapkan. Tanggungjawab-tanggungjawab ini hendaklah dilaksanakan berdasarkan khidmat nasihat dan kepakaran daripada Agensi Peneraju dan Agensi Teknikal mengikut jenis Bencana yang berlaku.
49. Setiap Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan pengurusan Bencana hendaklah berada di dalam zon-zon tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Komander Operasi Bencana. Kawalan keselamatan dan lalulintas di setiap zon adalah di bawah tanggungjawab PDRM. Gambar Rajah Pengurusan Bencana di Tempat Kejadian Mengikut Zon adalah seperti di **Lampiran H**.

### Garis Panduan Dalam Pengendalian Kejadian Bencana

50. Prosedur fasa pergerakan bagi agensi-agensi pengurusan Bencana adalah seperti Garis Panduan Dalam Pengendalian Kejadian Bencana di **Lampiran I**. Manakala Carta Aliran Fasa Pergerakan Dalam Pengendalian Kejadian Bencana adalah seperti di **Lampiran J**.

## **TERHAD**

### **PERKARA 18: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI TINDAK BALAS DALAM PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN**

51. Peranan dan tanggungjawab Agensi Tindak Balas yang terlibat dalam pengurusan Bencana di tempat kejadian adalah seperti di **Lampiran K**.

### **PERKARA 19: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI BANTUAN DAN PEMULIHAN DAN BADAN-BADAN SUKARELA DALAM KERJA-KERJA BANTUAN DAN PEMULIHAN DI TEMPAT KEJADIAN**

52. Peranan dan tanggungjawab Agensi Bantuan dan Pemulihan dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam kerja-kerja bantuan dan pemulihan di tempat kejadian adalah seperti di **Lampiran L**. Walau bagaimanapun, Agensi Bantuan dan Pemulihan dan badan-badan sukarela adalah tidak terhad kepada senarai di lampiran tersebut.
53. Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta, badan-badan sukarela, orang perseorangan atau mana-mana entiti dalam dan luar negara yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa aktiviti Tindak Balas atau pengurusan Bencana, terutamanya di tempat kejadian, perlu melapor kepada PKOB dan PKTK sebelum memulakan tugasannya atau operasi, mematuhi semua peraturan, arahan dan mekanisme yang ditetapkan.

### **PERKARA 20: PERATURAN TETAP OPERASI AGENSI KERAJAAN**

54. Agensi Kerajaan yang terlibat seperti di **Lampiran K** dan **Lampiran L** hendaklah menyedia, mengemaskini dan menggunakan pakai Peraturan Tetap Operasi (PTO) di peringkat masing-masing semasa mengendalikan Bencana. PTO tersebut hendaklah disediakan dan dikemaskini dengan mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan dalam Arahan ini. Agensi-agensi tersebut hendaklah mengemukakan PTO masing-masing yang disediakan/dikemaskini kepada NADMA.

### **PERKARA 21: KERJASAMA DARIPADA AGENSI KERAJAAN, BADAN BERKANUN, PIHAK SWASTA DAN BADAN-BADAN SUKARELA SERTA ORANG PERSEORANGAN**

55. Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana bertanggungjawab untuk bekerjasama sepenuhnya dalam melaksanakan setiap perkara yang digariskan dalam Arahan ini. Jawatankuasa Pengurusan Bencana, di mana perlu, boleh meminta bantuan atau mengambil alih secara sementara peralatan atau kelengkapan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan yang diperlukan di dalam operasi Bencana mengikut peruntukan Akta atau undang-undang sedia ada.
56. Ketua Pengarah NADMA bertanggungjawab menetapkan dasar berkaitan kerjasama dengan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana.

## **TERHAD**

### **PERKARA 22: PUSAT PENGURUSAN MEDIA**

57. Satu (1) Pusat Pengurusan Media hendaklah disediakan di tempat kejadian dan diletakkan di dalam Zon Hijau. Pusat Pengurusan Media ini merupakan tempat di mana pegawai dan kakitangan media massa dapat menjalankan tugas berkaitan dengan liputan Bencana yang berlaku. Jabatan Penerangan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang berkenaan hendaklah menyediakan dan mengendalikan Pusat Pengurusan Media yang dilengkapkan dengan ruang persidangan media, tempat taklimat, kemudahan peralatan televisyen dan radio. Pegawai-pegawai Jabatan Penerangan juga hendaklah menyelaraskan perkara-perkara mengenai liputan dan penyiaran berita mengenai Bencana yang berlaku kepada orang ramai. Komander Operasi Bencana hendaklah memastikan supaya wakil-wakil media massa berada di dalam Zon Hijau sahaja dan tidak dibenarkan masuk ke Zon Kuning atau Merah kecuali dengan kebenarannya.

### **PERKARA 23: KENYATAAN DAN LAIN-LAIN PERUTUSAN**

58. Semasa kejadian Bencana, hanya fakta-fakta penting yang bersetujuan sahaja dimaklumkan kepada orang ramai melalui media secara berterusan bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan yang tidak diingini. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana, Agensi Peneraju, Komander Operasi Bencana atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana sahaja boleh mengeluarkan kenyataan kepada media massa jika perlu.

### **PERKARA 24: BANTUAN KEMANUSIAAN DAN TINDAK BALAS BENCANA DARI DAN KE LUAR NEGARA**

59. Apabila berlaku sesuatu Bencana, bantuan kemanusiaan dan Tindak Balas Bencana dari dan ke luar negara dilaksanakan tertakluk kepada persetujuan secara rasmi termasuk melalui pelbagai instrumen antarabangsa seperti perjanjian, memorandum persefahaman, deklarasi dan sebagainya yang telah dimeterai oleh Kerajaan dengan negara asing dan keputusan dasar Kerajaan. NADMA bertanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan bantuan kemanusiaan dan Tindak Balas Bencana dari dan ke luar negara. Sebarang tawaran penghantaran bantuan dari dan ke luar negara hendaklah dirujuk kepada NADMA.

## **BAHAGIAN VI: PEMULIHAN**

### **PERKARA 25: LANGKAH PEMULIHAN SELEPAS BENCANA**

60. Program Pemulihan dan pembangunan semula infrastruktur awam, ekonomi dan sosial hendaklah dilaksanakan dengan segera selepas sesuatu kejadian Bencana berlaku. Setiap Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat bertanggungjawab dalam melaksanakan penilaian kerosakan serta Pemulihan dan pembangunan semula infrastruktur awam, ekonomi dan sosial di bawah kuasa masing-masing.

## **TERHAD**

61. JPBD dan JPBN bertanggungjawab membuat penilaian kerugian dan kerosakan, perancangan dan perakuan kepada JPB P mengenai cadangan program Pemulihan dan pembangunan semula dengan mengambil kira konsep Pengurangan Risiko Bencana.
62. Peta Khas Bencana dan maklumat GeoDataraya akan disediakan oleh JUPEM dalam membantu pihak yang terlibat dalam melaksanakan penilaian kerosakan serta pemulihan dan pembangunan semula.
63. JPB P bertanggungjawab memutuskan program Pemulihan dan pembangunan semula yang akan dilaksanakan dan menetapkan Agensi Kerajaan atau pihak berkaitan untuk pelaksanaannya. Agensi Kerajaan atau pihak berkaitan ini perlu mengemukakan laporan perkembangan langkah-langkah Pemulihan dan pembangunan kepada NADMA.

## **BAHAGIAN VII: PERISYTIHARAN DARURAT BENCANA**

### **PERKARA 26: PERISYTIHARAN DARURAT BENCANA**

64. Perisyiharan Darurat Bencana, apabila perlu, dibuat secara peraturan pentadbiran dan eksekutif oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor JPB P, tertakluk kepada undang-undang dan tatacara Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
65. Apabila diisytiharkan sebagai Darurat Bencana, pengurusan Bencana serta bantuan dan Pemulihan kepada mangsa Bencana akan dikendali dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan mengikut Kementerian/Jabatan yang berkaitan.

## **BAHAGIAN VIII: PENGURUSAN MAKLUMAT**

### **PERKARA 27: PENGURUSAN MAKLUMAT**

66. NDCC sebagai pusat penyelarasan koordinasi maklumat bertanggungjawab dalam menyelaras dan menguruskan maklumat berkaitan kejadian dan pengendalian sesuatu Bencana. Semua Agensi hendaklah menyalurkan maklumat yang diperlukan dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana.
67. Maklumat perkembangan sesuatu kejadian serta pengoperasian Bencana/kejadian yang boleh mengakibatkan kejadian Bencana hendaklah dilaporkan kepada NDCC dengan segera. Carta Penyaluran Maklumat dan/atau Komunikasi Pengurusan dan Bantuan Bencana adalah seperti di **Lampiran M**.

## BAHAGIAN IX: PENGURUSAN KEWANGAN

### PERKARA 28: PENGURUSAN KEWANGAN

68. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui agensi masing-masing bertanggungjawab memperuntukkan sejumlah dana bagi maksud pengurusan Bencana dan aktiviti Pengurangan Risiko Bencana.
69. JPBP/JPBN/JPBD adalah bertanggungjawab bagi mengurus, menyelaras dan memantau kutipan-kutipan derma mangsa Bencana. Penyata kewangan hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat masing-masing.
70. Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan yang menjalankan kutipan derma untuk sesuatu Bencana boleh menyalurkan sumbangan kewangan dan kutipan derma tersebut kepada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).

## BAHAGIAN X: PERUNTUKAN AM

### PERKARA 29: PERMULAAN KUASA DAN PEMAKAIAN ARAHAN INI

71. Sekiranya terdapat sebarang perengganahan di antara Arahan ini dengan mana-mana Peraturan atau Arahan Tetap Operasi yang dikeluarkan oleh mana-mana Agensi Kerajaan berhubung dengan dasar dan mekanisme pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana, Arahan ini hendaklah mengatasi Peraturan atau Arahan Tetap Operasi tersebut.

### PERKARA 30: HAL-HAL LAIN

72. Ketua Pengarah NADMA dibenarkan membuat pindaan-pindaan kecil bersifat editorial yang tidak melibatkan dari segi dasar ke atas Arahan ini.
73. JPBP boleh membuat pelaporan kepada Sidang MKN sekiranya terdapat keperluan berbuat sedemikian.



DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI

Bertarikh: 1 Ogos 2024

**TANGGUNGJAWAB NADMA  
DALAM PENGURUSAN BENCANA**

1. Menjadi agensi peneraju utama (*focal point*) pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana di peringkat Nasional, Serantau dan Antarabangsa.
2. Mengeluarkan strategi, arahan, pelan tindakan, hala tuju dan apa-apa dokumen panduan atau rujukan berkaitan, dengan pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana di peringkat dasar.
3. Memastikan pengamalan serta pelaksanaan dasar dan mekanisme pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana berjalan lancar.
4. Memberi khidmat nasihat mengenai pengendalian serta pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana mengikut kesesuaian.
5. Menasihati Pengerusi JBPD, JPBN dan JPPB atau Agensi Peneraju untuk mengambil tindakan sebelum sesuatu kejadian Bencana menjadi lebih sukar untuk dikendalikan termasuk di peringkat pasca Bencana.
6. Memberi sokongan/bantuan dalam menyelaras pergerakan Agensi Kerajaan dalam menangani kejadian Bencana yang diuruskan oleh Agensi Peneraju.
7. Mengumpul, menganalisis dan menyebarkan maklumat Bencana melalui NDCC.
8. Mengawal selia dan membuat pengauditan dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana yang dijalankan oleh Agensi Kerajaan dan mengarahkan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana Negara.
9. Memberikan khidmat keurusetiaan kepada JPPB.
10. Mengurus dan mengaturgerakkan Pasukan SMART untuk operasi mencari dan menyelamat di dalam dan luar Negara apabila perlu.
11. Menguruskan KWABBN tertakluk kepada peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
12. Merancang dan menyelaras dasar serta mengawasi pelaksanaan latih amal dan simulasi pengurusan Bencana secara bersepadu dalam menghadapi dan mengurangkan Risiko Bencana.
13. Memantau dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana yang dijalankan oleh Agensi Kerajaan bagi mencegah atau mengurangkan impak Bencana.

## **TERHAD**

14. Merancang dan menyelaras dasar serta mengawasi pelaksanaan strategi kependidikan, latihan dan kesedaran kepada pegawai dan anggota Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang awam dalam menghadapi dan mengurangkan Risiko Bencana.
15. Memastikan pasca nilai (*After Action Review – AAR*) pengendalian Bencana diadakan selepas kejadian sesuatu Bencana.
16. Menyelaras pentaksiran kerugian dan kerosakan akibat Bencana daripada Agensi Kerajaan.
17. Menilai, menyelaras dan mengetuai misi bantuan kemanusiaan dan Tindak Balas Bencana ke luar Negara.
18. Menilai dan menyelaras bantuan kemanusiaan dalam dan luar Negara.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP)**

**A. KEAHLIAN**

- Pengerusi : YAB Perdana Menteri/  
YB Menteri yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri
- Ahli-ahli
- 1. Ketua Setiausaha Negara
  - 2. Peguam Negara
  - 3. Panglima Angkatan Tentera
  - 4. Ketua Polis Negara
  - 5. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
  - 6. Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
  - 7. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
  - 8. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
  - 9. Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
  - 10. Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
  - 11. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri
  - 12. Ketua Pengarah Kesihatan
  - 13. Ketua Pengarah Unit Penyelarasaran Pelaksanaan
  - 14. Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
  - 15. Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi
  - 16. Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
  - 17. Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
  - 18. Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
  - 19. Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
  - 20. Ketua Perangkawan
  - 21. Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
  - 22. Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara
  - 23. Ketua Pengarah Penyiaran
  - 24. Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran
  - 25. Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar
  - 26. Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
  - 27. Ketua Pengarah Pendidikan
  - 28. Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
  - 29. Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar
  - 30. Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya
  - 31. Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga
  - 32. Ketua Setiausaha Kementerian Digital
  - 33. Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia
  - 34. Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat

## **TERHAD**

35. Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
36. Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom
37. Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
38. Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
39. Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains
40. Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia
41. Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia
42. Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia
43. Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Maritim Malaysia
44. Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia
45. Pengarah Bahagian Bekalan Air
46. Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia
47. Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
48. Pengerusi-Pengerusi JPBN

Turut Hadir : Lain-lain Ketua Jabatan/Agensi yang berkaitan  
Setiausaha : Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara  
Sekretariat : Agensi Pengurusan Bencana Negara

## **B. BIDANG TUGAS**

1. Menggubal dasar, merangka strategi, mengeluarkan arahan dan pelan tindakan serta menetapkan hala tuju dalam pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana Negara dan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.
2. Memastikan dasar, strategi, arahan dan pelan tindakan dalam mengendalikan sesuatu Bencana dilaksanakan seperti yang telah ditetapkan.
3. Menimbang dan memperakukan apa-apa pewujudan, pindaan atau pembatalan arahan, perintah, peraturan atau kaedah berkaitan pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana.
4. Menyelaras, mengawal selia dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana yang dijalankan oleh Agensi Kerajaan terlibat bagi mencegah atau mengurangkan impak Bencana.
5. Mendapatkan bantuan kepakaran dari dalam atau luar Negara bagi membantu pengendalian sesuatu Bencana.
6. Menetapkan dasar dalam pengurusan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).
7. Menyelaras, mengawal selia dan memastikan penyampaian Sistem Amaran Awal dilaksanakan secara berkesan dan berterusan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.

## **TERHAD**

8. Menentukan pelaksanaan latihan pengurusan Bencana yang bersepadau di antara Agensi Kerajaan diadakan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu Bencana.
9. Memperakukan program pembangunan keupayaan dan Kesedaran Awam dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi Bencana.
10. Menubuhkan Jawatankuasa Kerja di bawah JPBK iaitu Jawatankuasa Kerja Pencegahan dan Peredaan, Jawatankuasa Kerja Kesiapsiagaan, Jawatankuasa Kerja Tindak Balas dan Jawatankuasa Kerja Pemulihan dan Pembangunan Semula bagi membantu JPBK. Bagi melicinkan urusan menangani Bencana, Jawatankuasa Kerja boleh menubuhan Kumpulan Kerja seperti berikut:
  - (a) Kumpulan Kerja Kawalan Keselamatan diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM);
  - (b) Kumpulan Kerja Mencari dan Menyelamat diterajui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
  - (c) Kumpulan Kerja Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
  - (d) Kumpulan Kerja Kebajikan diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
  - (e) Kumpulan Kerja Sokongan Logistik diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR);
  - (f) Kumpulan Kerja Pengurusan Media diterajui oleh Jabatan Penerangan; dan
  - (g) Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu Bencana yang berlaku.
11. Memperaku dan memastikan keperluan kewangan kepada Kerajaan bagi program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan untuk memenuhi perancangan yang telah disusun oleh Agensi Kerajaan.
12. Mewujudkan pangkalan data mengenai aset, kelengkapan dan senarai kepakaran di peringkat Pusat yang diperlukan dalam pengurusan Bencana.
13. Mengaktifkan PKOB Pusat apabila Pengurusan Bencana Tahap III diisyiharkan.
14. Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan Bencana seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa Tindak Balas Bencana.
15. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, kesihatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggota penyelamat.

## **TERHAD**

16. Mengadakan AAR selepas sesuatu Bencana bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap pengurusan Bencana yang dilaksanakan.
17. Membincangkan pentaksiran kerugian dan kerosakan akibat Bencana dan memutuskan tindakan susulan.
18. Menilai laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamat serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa untuk tujuan penambahbaikan termasuk maklumat kerosakan dan kerugian Bencana yang diterima daripada JPBN.
19. Meneliti permohonan dan menyalurkan peruntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan Pusat Pemindahan kepada JPBN.
20. Meneliti permohonan dan menyalurkan peruntukan kepada JPBN bagi pemberian bantuan kepada mangsa Bencana yang layak.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI (JPBN)****A. KEAHLIAN**

Pengerusi	: YB Setiausaha Kerajaan Negeri/ Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan/ Pegawai kanan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri
Ahli-ahli	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Polis Negeri</li> <li>2. Panglima Divisyen/Panglima Briged/Pemerintah Pasukan Tempatan, Angkatan Tentera Malaysia</li> <li>3. Pegawai Kewangan Negeri</li> <li>4. Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri</li> <li>5. Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri</li> <li>6. Pengarah Kesihatan Negeri</li> <li>7. Pengarah Maritim Negeri, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia</li> <li>8. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri</li> <li>9. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri</li> <li>10. Pengarah Penerangan Negeri</li> <li>11. Pengarah Penyiaran Negeri</li> <li>12. Pengarah Pendidikan Negeri</li> <li>13. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri</li> <li>14. Pengarah Pejabat Meteorologi Negeri</li> <li>15. Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri</li> <li>16. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri</li> <li>17. Pengarah Keselamatan Negeri, MKN Negeri</li> <li>18. Pengarah RELA Negeri</li> <li>19. Pengarah KPDN Negeri</li> <li>20. Pengarah Jabatan Pertanian Negeri</li> <li>21. Pengarah Perikanan Negeri</li> <li>22. Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri</li> <li>23. Pengarah Pejabat Zon Atom Malaysia</li> <li>24. Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</li> <li>25. Pegawai-pegawai Daerah</li> <li>26. Pengarah/Pengurus Jabatan/Syarikat Bekalan Air Negeri</li> <li>27. Pengarah Badan Kawal Selia Air Negeri</li> <li>28. Pengarah Pejabat Negeri Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia</li> <li>29. Pengurus Telekom Malaysia Berhad Negeri</li> <li>30. Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad Negeri</li> <li>31. Pengarah/Pengurus Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia</li> <li>32. Pengarah Jabatan Kimia Negeri</li> <li>33. Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri</li> </ol>
Turut Hadir	: Lain-lain pegawai daripada Jabatan/Agensi yang berkaitan
Setiausaha	: Pegawai yang dilantik oleh Pengerusi JPBN
Sekretariat	: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri

**B. BIDANG TUGAS**

1. Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan sesuatu Bencana di peringkat Negeri.
2. Mengarusperdanakan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana melalui Agensi Kerajaan di peringkat Negeri secara berkesan.
3. Menyelaras dan melaksanakan usaha-usaha pemantapan penyampaian Sistem Amaran Awal secara berkesan dan berterusan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.
4. Melaksanakan latihan pengurusan Bencana yang bersepadau di antara Agensi Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu Bencana.
5. Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan Kesedaran Awam di peringkat Negeri/Daerah dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi Bencana.
6. Menubuhkan Kumpulan Kerja yang bertanggungjawab kepada JPBN bagi melicinkan pengurusan Bencana. Kumpulan Kerja terlibat adalah seperti berikut:
  - (a) Kumpulan Kerja Kawalan Keselamatan diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM);
  - (b) Kumpulan Kerja Mencari dan Menyelamat diterajui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
  - (c) Kumpulan Kerja Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
  - (d) Kumpulan Kerja Kebajikan diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
  - (e) Kumpulan Kerja Sokongan Logistik diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR);
  - (f) Kumpulan Kerja Pengurusan Media diterajui oleh Jabatan Penerangan; dan
  - (g) Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu Bencana yang berlaku.
7. Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian di peringkat Negeri sekiranya perlu bagi tujuan taksiran kerugian dan Pemulihan yang diakibatkan oleh Bencana.
8. Meneliti dan menyelaras semua permohonan bantuan Pemulihan dari JPBD dan mengemukakan cadangan kepada JPBP untuk pertimbangan dan kelulusan.
9. Merancang dan melaksanakan program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan di peringkat Negeri.

## **TERHAD**

10. Mewujudkan dan mengemaskini profil kawasan berisiko Bencana di peringkat Negeri bagi tujuan perancangan pembangunan dan Tindak Balas Bencana.
11. Mewujudkan pangkalan data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di peringkat Negeri yang diperlukan dalam pengurusan Bencana.
12. Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan Bencana di peringkat Negeri seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepada Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa operasi Tindak Balas Bencana.
13. Mewujudkan PKOB Negeri apabila Pengurusan Bencana Tahap II diaktifkan.
14. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, kesihatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggota penyelamat.
15. Menjalankan AAR dengan segera selepas sesuatu Bencana bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap pengurusan Bencana yang diamalkan.
16. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamat serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa dan mengemukakannya kepada JPB.
17. Memantau pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan Pusat Pemindahan oleh JPBD bagi memastikan ianya berada dalam keadaan optimum dan sedia untuk digunakan pada bila-bila masa apabila berlakunya Bencana.
18. Memantau pengumpulan dan verifikasi senarai mangsa Bencana yang berpindah dan tidak berpindah ke Pusat Pemindahan oleh JPBD serta mengemukakan senarai mangsa yang layak untuk menerima bantuan Bencana kepada JPB.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA DAERAH (JPBD)****A. KEAHLIAN**

Pengerusi	: Pegawai Daerah/ mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan atas jawatan tersebut/ *Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Presiden Perbadanan Putrajaya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan Putrajaya/ Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan Labuan/ Residen sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian di Negeri Sarawak
Ahli-ahli	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Polis Daerah</li> <li>2. Ketua Zon Bomba</li> <li>3. Pegawai Kesihatan Daerah</li> <li>4. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah</li> <li>5. Wakil Jabatan Alam Sekitar</li> <li>6. Wakil Angkatan Tentera Malaysia</li> <li>7. Pengarah Zon Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia</li> <li>8. Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah</li> <li>9. Penolong Pengarah Keselamatan Negeri, MKN Daerah</li> <li>10. Pegawai Pertahanan Awam Daerah</li> <li>11. Pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia</li> <li>12. Pegawai Penerangan Daerah</li> <li>13. Pegawai Pendidikan Daerah</li> <li>14. Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya</li> <li>15. Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran</li> <li>16. Pegawai RELA Daerah</li> <li>17. Ketua Cawangan KPDN</li> <li>18. Pegawai Pertanian Daerah</li> <li>19. Pegawai Perikanan Daerah</li> <li>20. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah</li> <li>21. Pegawai Jabatan Mineral dan Geosains Negeri</li> <li>22. Pengarah Pejabat Zon Atom Malaysia</li> <li>23. Pengarah Pejabat Negeri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia</li> <li>24. Wakil Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</li> <li>25. Pengurus Telekom Malaysia Daerah</li> <li>26. Pengurus Tenaga Nasional Berhad Daerah/Wakil Pengurus Syarikat Bekalan Elektrik Negeri</li> <li>27. Wakil Pengarah/Pengurus Jabatan/Syarikat Bekalan Air Negeri</li> </ol>

28. Wakil Pengarah/Pengurus Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
29. Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
30. Penghulu/Penggawa Mukim

Turut Hadir : Pengerusi organisasi komuniti dan masyarakat  
Setiausaha : Pegawai yang dilantik oleh Pengerusi JPBD  
Sekretariat : Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah

\* Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Bandar Kuala Lumpur boleh melantik pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang lain untuk bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah mengikut kawasan yang ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

## **B. BIDANG TUGAS**

1. Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan sesuatu Bencana di peringkat Daerah.
2. Mengarusperdanakan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana melalui semua Agensi Kerajaan di peringkat Daerah secara berkesan.
3. Melaksana dan memastikan penyampaian Sistem Amaran Awal secara berkesan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.
4. Melaksanakan latihan pengurusan Bencana yang bersepadau di antara Agensi Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu Bencana.
5. Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan Kesedaran Awam di peringkat Daerah dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi Bencana.
6. Menubuhkan Kumpulan Kerja yang bertanggungjawab kepada JPBD bagi melicinkan pengurusan Bencana. Kumpulan Kerja terlibat adalah seperti berikut:
  - (a) Kumpulan Kerja Kawalan Keselamatan diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM);
  - (b) Kumpulan Kerja Mencari dan Menyelamat diterajui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
  - (c) Kumpulan Kerja Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
  - (d) Kumpulan Kerja Kebajikan diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
  - (e) Kumpulan Kerja Sokongan Logistik diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR);

## **TERHAD**

- (f) Kumpulan Kerja Pengurusan Media diterajui oleh Jabatan Penerangan;
  - (g) Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu Bencana yang berlaku; dan
  - (h) Kumpulan Kerja Penyelarasaran Bantuan Badan-Badan Sukarela dan Sumbangan yang diterajui oleh Pejabat Daerah.
7. Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian bagi tujuan taksiran kerugian dan Pemulihan yang diakibatkan oleh Bencana.
  8. Mengangkat cadangan bantuan ihsan atau bantuan Pemulihan, sekiranya perlu kepada Kerajaan Negeri.
  9. Menentukan operasi mencari dan menyelamat dijalankan secara lancar dan berkesan.
  10. Mengenal pasti dan menubuhkan pusat-pusat pemindahan dan pangkalan hadapan.
  11. Memantapkan peranan organisasi komuniti dan masyarakat dalam melaksanakan penyelarasaran dan Tindak Balas awal terhadap kejadian Bencana.
  12. Merancang dan melaksanakan program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan di peringkat Daerah.
  13. Mewujudkan dan mengemaskini profil kawasan berisiko Bencana di peringkat Daerah tujuan perancangan pembangunan dan Tindak Balas Bencana.
  14. Mewujudkan pangkalan data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di peringkat Daerah yang diperlukan dalam pengurusan Bencana.
  15. Menubuhkan PKOB dengan secepat mungkin selepas sesuatu kejadian Bencana dan mengaktifkannya termasuklah mewujudkan sistem rangkaian komunikasi dengan PTKK.
  16. Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan Bencana seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa operasi Tindak Balas Bencana.
  17. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, makanan, tempat tinggal, kesihatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggota penyelamat.
  18. Memastikan AAR dilakukan selepas sesuatu Bencana bagi tujuan memperakulkan penambahbaikan terhadap sistem pengurusan Bencana yang dilaksanakan.

## **TERHAD**

19. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamat serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa.
20. Menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan Pusat Pemindahan bagi memastikan ianya berada dalam keadaan optimum dan sedia untuk digunakan pada bila-bila masa apabila berlakunya Bencana.
21. Menyelaras pengumpulan dan verifikasi senarai mangsa Bencana yang berpindah dan tidak berpindah ke Pusat Pemindahan untuk pemberian bantuan Bencana. Bagi mangsa yang berpindah ke Pusat Pemindahan, senarai nama mangsa didaftarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

**TANGGUNGJAWAB PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN  
BENCANA NEGERI KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA KERJA  
KESELAMATAN NEGERI**

1. Memberikan nasihat mengenai pelaksanaan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju pengurusan Bencana.
2. Memberikan nasihat mengenai langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana dan Pencegahan Bencana.
3. Memaklumkan mengenai tahap Kesiapsiagaan mekanisme pengurusan Bencana.
4. Memaklumkan mengenai tahap Kesiapsiagaan Agensi Kerajaan dalam mengurus dan mengendalikan Bencana.
5. Memaklumkan semua keputusan yang dicapai dan kemajuan tindakan yang diambil oleh JPBN.
6. Mendapatkan arahan, keputusan dan nasihat daripada JKKN di mana perlu, dalam usaha-usaha menangani Bencana yang berlaku.
7. Melaporkan sebarang kejadian Bencana yang berlaku dan juga tindakan-tindakan yang diambil dari semasa ke semasa.
8. Mengemukakan laporan AAR Bencana yang berlaku.


**BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB  
KOMANDER OPERASI BENCANA**

1. Mengadakan mesyuarat/taklimat kepada Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan dan Agensi Bantuan dan Pemulihan bagi menyelaras Pelan Tindakan Operasi Bencana dan pelan atur gerak asset sebagai persediaan menghadapi Bencana.
2. Apabila mendapat maklumat sesuatu Bencana, Komander Operasi Bencana hendaklah bergerak ke lokasi dengan serta-merta dan membuat penilaian awal serta mengumpul maklumat berkaitan dengan kejadian Bencana.
3. Menentukan objektif, strategi dan taktikal termasuk menyediakan Pelan Tindakan Operasi Bencana serta sistem rangkaian komunikasi bagi memastikan keberkesanan Tindak Balas operasi.
4. Membuka PKTK berserta suatu struktur organisasi perintah dan kawalan bagi pengurusan Tindak Balas Bencana.
5. Menentukan keperluan dan seterusnya menubuhkan *staging area* berserta *staging manager* bagi pengurusan asset operasi yang terselaras.
6. Mengetuai, menyelia serta menyelaras operasi Tindak Balas Bencana merangkumi mencari dan menyelamat serta bantuan dan Pemulihan awal.
7. Melantik Komander Kawalan Hadapan di kalangan Agensi Tindak Balas yang memberi fokus untuk kerja-kerja mencari dan menyelamat.
8. Menasihati Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat yang berkaitan untuk mengisyiharkan Bencana.
9. Mengadakan taklimat kepada Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan dan Agensi Bantuan dan Pemulihan bagi mengetahui situasi Bencana dan Pelan Tindakan Operasi Bencana berserta atur gerak asset agar semua agensi jelas tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing.
10. Memastikan semua mangsa diungsikan atau keluar dari kawasan Bencana.
11. Menyediakan Tempat Berkumpul Sementara di kawasan selamat (Zon Hijau) untuk mangsa yang telah diungsikan atau keluar dari kawasan Bencana sebelum mereka dipindahkan ke pusat pemindahan oleh pengurusan PKOB atau apa-apa tindakan susulan terhadap mangsa.
12. Memastikan setiap Agensi mematuhi protokol keselamatan dan menjaga keselamatan petugas masing-masing yang terlibat di dalam operasi Bencana.
13. Memastikan sistem kawalan keselamatan bagi setiap zon di tempat kejadian.


## **TERHAD**

14. Menyelaras dan menetapkan keperluan penubuhan pos Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan dan Agensi Bantuan dan Pemulihan bagi mengelakkan kesesakan di lokasi Bencana.
15. Melaporkan secara berkala perkembangan semasa operasi Bencana kepada PKOB dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana.
16. Memastikan penyediaan Laporan Situasi secara berkala dikemukakan kepada PKOB.
17. Membuat kenyataan media mengenai perkara-perkara/perkembangan mutakhir operasi Bencana (Sebarang kenyataan yang menyentuh perkara dasar tidak boleh dikeluarkan melainkan dengan kebenaran Jawatankuasa Pengurusan Bencana).
18. Mengisyiharkan penamatan kerja-kerja menyelamat di lokasi Bencana setelah mengenal pasti lokasi bebas dari ancaman dan mendapat nasihat daripada Agensi yang berkaitan.
19. Membuat penilaian dan mengesyorkan kepada PKOB bagi menentukan sama ada operasi Bencana boleh ditamatkan dan mengeluarkan arahan untuk mengosongkan kawasan Bencana.
20. Menyelaras kerja-kerja penyiasatan oleh pasukan khas daripada pelbagai Agensi Kerajaan di tempat kejadian.
21. Menyelaras bantuan daripada pasukan/organisasi/badan-badan sukarela dari dalam dan luar Negara di tempat kejadian.
22. Menyediakan laporan lengkap dan pasca nilai AAR mengenai Tindak Balas yang dijalankan di tempat kejadian.

## CARTA PERANAN AGENSI-AGENSI YANG TERLIBAT DALAM PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN




## PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN MENGIKUT ZON



**GARIS PANDUAN DALAM PENGENDALIAN KEJADIAN BENCANA**

1. Apabila mendapat laporan mengenai kejadian sesuatu Bencana, Agensi Tindak Balas atau Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di kawasan kejadian Bencana tersebut hendaklah dengan secepat mungkin menuju ke tempat kejadian untuk membuat penilaian dan bertindak balas terhadap Bencana yang berlaku serta melaporkan kepada Ketua Polis Daerah. Mana-mana pegawai terkanan dari mana-mana Agensi Tindak Balas pada ketika itu hendaklah bertindak sebagai Komander Operasi Bencana. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Polis Daerah untuk ke tempat kejadian dan mengambil alih tanggungjawab sebagai Komander Operasi Bencana.
2. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat, atas syor oleh Komander Operasi Bencana akan membuat perisyntiharhan Bencana.
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana akan diaktifkan pada masa yang sama mengikut peringkat pentadbiran pengendalian Bencana, bagi menyelaras, mengawasi serta melaksanakan operasi mencari dan menyelamat serta lain-lain bantuan kecemasan dalam mengurus Bencana yang berlaku.
4. Ketua Polis Daerah atau Ketua Polis Negeri atau Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, PDRM yang mana berkaitan mengikut peringkat pengendalian Bencana hendaklah membuka PKTK dan bertindak sebagai Komander Operasi Bencana mengikut peringkat pengendalian Bencana.
5. Pada masa yang sama, Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan pengendalian Bencana juga hendaklah menuju ke tempat kejadian dan bersedia untuk bertindak apabila diperintahkan berbuat demikian oleh Komander Operasi Bencana.
6. Komander Operasi Bencana hendaklah menyedia serta menyelaras Pelan Tindakan Operasi Bencana oleh Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan operasi Bencana berdasarkan keperluan dan kepakaran.
7. Komander Operasi Bencana hendaklah melaporkan dari semasa ke semasa keadaan Bencana kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang bersidang di PKOB untuk mendapatkan bantuan dan sebagainya.
8. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat, atas syor oleh Komander Operasi Bencana akan membuat perisyntiharhan penamatkan operasi Bencana setelah keadaan semasa Bencana telah kembali reda.

**CARTA ALIRAN FASA PERGERAKAN  
DALAM PENGENDALIAN KEJADIAN BENCANA**



**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI TINDAK BALAS  
DALAM PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN**

**I. PASUKAN MENCARI DAN MENYELAMAT KHAS MALAYSIA (SMART)**

1. Mencari dan menyelamat mangsa dalam sesuatu kejadian Bencana yang memerlukan bantuan kepakaran, kemahiran, peralatan serta kelengkapan yang khusus.
2. Menyediakan kemudahan logistik dan aset khas yang berkaitan semasa Bencana.
3. Membantu melengkapkan dokumen perkhidmatan forensik termasuk mengenal pasti mayat, pengumpulan sementara mayat dan perekodan bukti.
4. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

**II. POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)**

**Am**

1. Menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.
2. Memastikan keselamatan kesemua petugas dan orang-orang awam di dalam kawasan menyelamat.
3. Melindungi harta dan nyawa.
4. Mengumpul maklumat risikan.
5. Menjalankan siasatan kejadian Bencana.
6. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

**Di tempat kejadian**

7. Membuka dan mengaktifkan PKTK.
8. Kawalan dan kepungan.
9. Kawalan lalu lintas.
10. Menetapkan kawasan selamat.

### **Penyelarasan dan tindakan dengan lain-lain Agensi Kerajaan**

11. Menyelaras pendaftaran mangsa yang meninggal, cedera akibat Bencana serta mangsa yang berpindah selain dari ke pusat pemindahan.
12. Menjalankan kerja-kerja pengenalan mangsa di lokasi Bencana (*Disaster Victim Identification*).
13. Memaklumkan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam berkaitan Bencana.
14. Menyediakan kemudahan logistik dan aset yang berkaitan semasa Bencana.
15. Melaksanakan kerja-kerja mencari dan menyelamat serta lain-lain unit di bawah PDRM yang mempunyai kepakaran tertentu.
16. Melaksanakan kerja-kerja pengungsian (*evacuation*).
17. Mewujudkan sempadan/zon operasi (*inner cordon*) di sekeliling tempat kejadian bagi memastikan keselamatan orang awam yang terjejas dan semua petugas di lokasi kejadian.

### **Pengurusan media**

18. Mengeluarkan kenyataan media berkaitan operasi secara berkala di PKTK.

### **Pasca Bencana**

19. Mengumpul dan melindungi maklumat-maklumat dan barang-barang bukti/ekhibit dan menjalankan siasatan.
20. Menyelaras dan membantu melengkapkan dokumen perkhidmatan forensik termasuk mengenal pasti mayat, pengumpulan sementara mayat dan perekodan bukti.

## **III. JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)**

1. Menerajui dan melaksana kerja mencari dan menyelamat mangsa Bencana.
2. Mencegah kejadian Bencana daripada menjadi besar dengan cara mengawal kebakaran, mengawal kebocoran kimia dan lain-lain situasi berbahaya.
3. Mengumpul maklumat dan mengkaji tahap bahaya Bencana untuk menasihati dan untuk disalurkan kepada Komander Operasi Bencana supaya tindakan operasi mencari dan menyelamat serta pengungsian (*evacuation*) kawasan dapat dilakukan.
4. Bekerjasama dengan pihak PDRM untuk mewujudkan sempadan/zon operasi (*inner cordon*) di sekeliling tempat kejadian bagi membolehkan JBPM melaksanakan pengawasan dan pengawalan operasi.

**Am**

5. Menyediakan kemudahan logistik dan aset yang berkaitan semasa Bencana.
6. Melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlaku apa-apa Bencana.
7. Menjalankan kerja-kerja *screening/dekontaminasi* manusia, peralatan dan kawasan sewaktu Bencana.
8. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

**Khusus**

9. Mengambil kira kesan kejadian ke atas alam sekitar dan mengambil tindakan untuk mengurangkan kesan yang diakibatkan oleh kejadian Bencana.
10. Membantu pegawai perubatan di tempat kejadian dan lain-lain pegawai perubatan serta dengan pihak ambulans untuk memberikan bantuan kepada mangsa yang memerlukan rawatan dan juga untuk memindahkan pesakit dari tempat kejadian.

**Forensik Kebakaran**

11. Menjalankan penyiasatan kebakaran yang mana diperlukan dan menyediakan laporan serta bukti-bukti yang mencukupi bagi tujuan siasatan atau pendakwaan.
12. Mengumpul dan melindungi maklumat, keterangan dan barang-barang bukti/ekhibit yang berkaitan dengan kebakaran untuk digunakan dalam siasatan atau pendakwaan.
13. Menganalisis sampel-sampel oleh makmal penyiasatan kebakaran untuk tujuan pendakwaan di mahkamah.
14. Memberi keterangan di mahkamah sebagai saksi pakar untuk tujuan pendakwaan melibatkan kes-kes kebakaran struktur.

**Lain-Lain**

15. Menggerakkan unit anjing pengesan (K9) untuk operasi mencari dan menyelamat mangsa yang hidup atau mati:
  - (a) *Water Cadaver*
  - (b) *Urban Search and Rescue (USAR)*
  - (c) *Fire Investigation*
  - (d) *Wilderness Search and Rescue (SAR)*

## **TERHAD**

16. Menyediakan perkhidmatan helikopter untuk operasi:
  - (a) *Casualties Evacuation* (CASEVAC)
  - (b) *Medical Evacuation* (MEDIVAC)
  - (c) *Body Evacuation* (BODEVAC)
  - (d) Pemantauan Udara (*Air Surveillance*)
  - (e) Ambulans Udara (*Air Ambulance*)
  - (f) *Water Bombing*
  - (g) Logistik
17. Menyediakan khidmat pasukan penyelamatan di air (PPDA).
18. Melaksanakan kerja-kerja Tindak Balas Pengurangan Risiko Bencana yang berkaitan Bahan Berbahaya.
19. Mengesan, mengenal pasti, persampelan, pemantauan (*monitoring*) dan pemodelan (*modelling*), intervensi dan persampelan bagi Bahan Berbahaya semasa Bencana.
20. Membantu melengkapkan dokumen perkhidmatan forensik (*Disaster Victim Identification* – DVI) termasuk mengenal pasti mayat, pengumpulan sementara mayat dan perekodan bukti.

## **IV. ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)**

1. Membantu dan memberi khidmat sumber tenaga kerja anggota tentera semasa berlaku Bencana.
2. Menyediakan kemudahan logistik dan aset yang berkaitan semasa Bencana.
3. Menyediakan bantuan peralatan jentera bagi kerja-kerja bersabit dengan pertolongan semasa Bencana di semua peringkat.
4. Membantu dalam menyediakan khidmat-khidmat kepakaran yang dimiliki oleh ATM apabila diperlukan semasa Bencana.
5. Membantu menyediakan bantuan kejuruteraan medan apabila diperlukan semasa Bencana.
6. Menyediakan khidmat bantuan penyelam sekiranya diperlukan.
7. Melaksanakan operasi mencari dan menyelamat mengikut keperluan semasa Bencana.
8. Menyediakan pengangkutan udara untuk pertolongan kecemasan dan pemindahan mangsa Bencana.
9. Menyediakan pegawai perantaraan (*liaison officer*) di semua peringkat semasa Bencana.

## **TERHAD**

10. Memberi bantuan kepada Agensi Tindak Balas yang mengendalikan bantuan segera kepada mangsa Bencana mengikut arahan.
11. Menyediakan bantuan bagi Program Pemulihan dan Pembangunan Semula Selepas Bencana sekiranya diperlukan.
12. Membantu melengkapkan dokumen perkhidmatan forensik termasuk mengenal pasti mayat, pengumpulan sementara mayat dan perekodan bukti apabila diperlukan.
13. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **V. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

### **Di Tempat Kejadian**

1. Bertindak sebagai Agensi Peneraju dalam segala hal berkaitan dengan rawatan perubatan dan intervensi kesihatan di kawasan Bencana dengan kerjasama Agensi Tindak Balas yang terbabit.
2. Bertindak sebagai pegawai perhubungan (*liaison officer*) bagi menyelaraskan perkara-perkara di atas dan memberi input dalam membantu Komander Operasi Bencana di kawasan Bencana.
3. Menjadi penghubung antara pasukan perubatan dan kesihatan di lapangan dengan hospital dan klinik kesihatan/pejabat kesihatan daerah dalam pemberian rawatan yang menyeluruh kepada mangsa dan anggota Agensi Tindak Balas.

### **Perkhidmatan Perubatan Kecemasan dan Menyelamat**

4. Memberikan perkhidmatan kepakaran perawatan kecemasan kepada mangsa Bencana di dalam operasi menyelamat bersama-sama Agensi Tindak Balas yang lain di tempat kejadian.
5. Memberikan perawatan kecemasan kepada mangsa Bencana yang memerlukan rawatan.
6. Menyelaras dan menyediakan keperluan logistik dan aset berkaitan termasuk perkhidmatan rawatan pra-hospital dan ambulans bagi penghantaran mangsa Bencana ke hospital atau klinik yang telah dikenal pasti.
7. Menyediakan kemudahan logistik dan aset yang berkaitan semasa Bencana untuk memindahkan mangsa Bencana ke Hospital/Klinik Kesihatan.

### **Pangkalan Perubatan**

8. Mewujudkan sebuah tempat khusus yang dilengkapi dengan kawasan triaj, resusitasi dan lain-lain bagi perawatan perubatan dan kecemasan kepada mangsa Bencana dan anggota Agensi Tindak Balas.
9. Menyelaras perkhidmatan perubatan dan penghantaran pesakit ke hospital dan klinik untuk rawatan lanjutan.
10. Memberikan perkhidmatan bantuan awal psikologi (*Psychological First Aid*) kepada mangsa Bencana dan anggota Agensi Tindak Balas di pangkalan tersebut.
11. Menilai dan merancang keperluan hospital medan dengan kerjasama Agensi Kerajaan di tempat Bencana.

### **Perkhidmatan Kesihatan Awam**

12. Menjalankan penilaian risiko berkaitan kejadian Bencana serta kesannya terhadap kesihatan awam.
13. Memantau dan menguruskan kejadian penyakit berjangkit akibat kejadian Bencana.
14. Menjalankan aktiviti komunikasi risiko kepada komuniti setempat bagi mengurangkan *mortality* dan *morbidity* akibat kejadian Bencana serta memberi nasihat kesihatan awam sekiranya perlu.
15. Memberi dan menyelaras Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) kepada mangsa Bencana dan Agensi Tindak Balas semasa dan selepas Bencana mengikut keperluan.
16. Bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada komuniti setempat yang terjejas Bencana.
17. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

### **Perkhidmatan Forensik**

18. Memberikan perkhidmatan forensik termasuk penempatan sementara mayat, pengecaman, perekodan bukti dan sebagainya.
19. Bagi kejadian di dalam Negara, segala proses akan dilakukan mengikut prosedur dan kerjasama Agensi Kerajaan yang berkaitan seperti PDRM.
20. Bagi kejadian luar Negara, perkara ini perlu diselaraskan mengikut peruntukan undang-undang di Negara tersebut dengan kerjasama Agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Luar Negeri (KLN).

**VI. ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)**

1. Menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan menjadi perantara antara PKTK dan PKOB.
2. Melaksana dan menjalankan kerja-kerja mencari dan menyelamat mangsa Bencana dan harta benda yang terancam atau akan terancam.
3. Menyedia kenderaan pengangkutan darat dan air untuk tugas-tugas pengungsian (*evacuation*), pemindahan mangsa Bencana dan penghantaran bahan-bahan makanan dan keperluan ke tempat kejadian Bencana.
4. Memberikan apa-apa bantuan dan khidmat kemanusiaan yang diperlukan di tempat kejadian.
5. Memberikan rawatan kecemasan kepada mangsa di tempat kejadian Bencana.
6. Menyediakan perkhidmatan ambulans dan memindahkan mangsa Bencana ke Hospital/Klinik Kesihatan.
7. Melaksanakan kerja-kerja menyelam untuk operasi mencari dan menyelamat mangsa hilang/lemas/terperangkap.
8. Menjalankan tugas-tugas pembersihan dan Pemulihan kawasan selepas Bencana.
9. Membantu melengkapkan dokumen perkhidmatan forensik termasuk mengenal pasti mayat, pengumpulan sementara mayat dan perekodan bukti.
10. Membantu menyelenggara pusat-pusat pemindahan dan mengagihkan makanan kepada mangsa Bencana.
11. Membantu pihak PDRM dalam mengawal harta benda dan keselamatan mangsa Bencana.
12. Membantu JKM menjalankan pendaftaran mangsa Bencana bagi maksud fasa pasca Bencana.

**VII. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)**

**Pengurusan Wabak Penyakit Berjangkit atau Zoonosis dalam Haiwan**

1. Menggerakkan RAT bagi menjalankan penyiasatan penyakit.
2. Mengenal pasti penyakit dan tindakan kawalan penyakit.
3. Bekerjasama dengan Agensi Kerajaan bagi menjalankan tindakan kawalan penyakit.

## **TERHAD**

4. Menyediakan keperluan peralatan, bahan pengujian, ubatan dan vaksin mengikut penyakit.
5. Membuat bincian dan merekod bilangan haiwan yang dijangkiti penyakit berjangkit atau Zoonosis.

### **Pengurusan Haiwan Sebelum Bencana**

6. Mengenal pasti kawasan yang berisiko dilanda Bencana.
7. Menyediakan tempat pemindahan sementara haiwan, bantuan pengangkutan, peralatan, bekalan makanan, bekalan ubatan, vaksin haiwan dan memberi khidmat nasihat.
8. Membantu penternak memindahkan haiwan ke tempat yang selamat.

### **Pengurusan Haiwan Semasa Bencana**

9. Bekerjasama dengan Agensi Tindak Balas untuk kerja-kerja memindahkan haiwan ke tempat yang selamat, menghantar bantuan makanan kepada haiwan serta pemilik haiwan dan pelupusan bangkai haiwan.
10. Menyediakan kemudahan bagi kebajikan haiwan kesayangan di pusat pemindahan manusia.
11. Menyediakan ubat-ubatan dan suplemen kepada haiwan mangsa Bencana.
12. Membuat bincian dan merekod bilangan haiwan serta bantuan yang diberikan.

## **VIII. AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)**

1. Bertindak sebagai Agensi Peneraju operasi Bencana maritim.
2. Menubuhkan Pangkalan Hadapan CARILAMAT (PHC) mengikut keperluan semasa operasi mencari dan menyelamat diaktifkan.
3. Memberi khidmat nasihat teknikal mengenai perkara-perkara yang melibatkan operasi mencari dan menyelamat di laut.
4. Mengkoordinasikan operasi mencari dan menyelamat dengan bantuan Agensi Tindak Balas dalam dan luar Negara.
5. Mengetuai dan melaksanakan kerja-kerja menyelam untuk operasi mencari dan menyelamat di laut.
6. Menyediakan kemudahan logistik dan aset yang berkaitan semasa Bencana.

## **TERHAD**

7. Menyediakan pengangkutan udara untuk pemantauan udara/pertolongan kecemasan/pemindahan mangsa/menghantar bantuan logistik/memadam kebakaran.
8. Menyediakan pengangkutan laut untuk operasi memadam kebakaran/mengawal kejadian tumpahan minyak dan pengambilan sampel minyak di laut.
9. Menyelaras keperluan kelulusan diplomatik sekiranya perlu.
10. Menyelaras dan berhubung dengan Kementerian Luar Negeri dan kedutaan Negara lain bagi kejadian yang melibatkan warganegara atau aset asing.

### **Pasca Bencana**

11. Menjalankan perkhidmatan forensik maritim bagi kejadian yang melibatkan maritim.
12. Menjalankan siasatan bagi kejadian yang melibatkan kecuaian hingga menyebabkan kemalangan di laut.
13. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

### **Pengurusan Media**

14. Mengetuai sidang media sebagai jurucakap semasa operasi mencari dan menyelamat maritim diaktifkan.
15. Berhubung dengan pihak media bagi pengemaskinian pengurusan kejadian dan menguruskan kenyataan/sidang media.

**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI BANTUAN DAN PEMULIHAN  
DAN BADAN-BADAN SUKARELA DALAM KERJA-KERJA  
BANTUAN DAN PEMULIHAN DI TEMPAT KEJADIAN**

**I. JABATAN KERJA RAYA (JKR)**

1. Menyediakan dan menyelaras kemudahan logistik dan aset daripada Agensi Kerajaan untuk menyokong Tindak Balas Bencana.
2. Menyediakan tempat berlindung sementara seperti kanopi atau khemah.
3. Menyediakan perkhidmatan teknikal dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan forensik, geoteknik, struktur dan lain-lain seperti kejadian tanah runtuh dan kegagalan struktur bangunan atau tanah.
4. Melaksanakan penilaian kerosakan infrastruktur awam akibat Bencana.
5. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

**II. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS)**

1. Berkongsi maklumat berkenaan pengurusan dan pengurangan risiko banjir, kemarau dan hakisan pantai dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat, NADMA dan Agensi Kerajaan.
2. Menyediakan pam-pam bergerak (*portable pump*) di kawasan air yang bertakung dan tidak bergerak ketika kejadian banjir atau menyalurkan air ke kawasan yang terjejas akibat kemarau.
3. Melaksanakan penilaian kerosakan kepada infrastruktur tebatan banjir akibat kejadian banjir monsun, banjir kilat dan banjir lumpur.
4. Menyediakan laporan hakisan pantai.
5. Menyediakan khidmat teknikal kepakaran kejuruteraan pantai dalam penilaian kerosakan dan kerja-kerja pembaikan.
6. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

**III. JABATAN PENERANGAN (JaPen)**

1. Bertanggungjawab menujuhan dan mengendalikan Pusat Pengurusan Media.
2. Menyediakan draf kenyataan dan siaran akhbar.

## **TERHAD**

3. Menyediakan tempat yang sesuai dan strategik kepada pihak media untuk membuat liputan.
4. Memastikan media berdaftar sahaja yang membuat liputan.
5. Membantu menyediakan pembesar suara di tempat-tempat tertentu apabila diperlukan.
6. Menyediakan peralatan siar raya mudah alih serta memastikan capaian jalur lebar di kawasan Bencana berfungsi apabila dikehendaki.
7. Menyebar maklumat yang diperlukan dan mengeluarkan laporan media.
8. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **IV. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)**

1. Menyelaraskan pengurusan pusat pemindahan.
2. Menyedia dan menguruskan pusat-pusat pemindahan mangsa Bencana.
3. Menyedia dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa Bencana.
4. Menjalankan pendaftaran mangsa Bencana di pusat pemindahan bagi maksud Pemulihan.
5. Menyelaras dan menjalankan perkhidmatan kaunseling, intervensi krisis dan sokongan psikologi kepada mangsa Bencana di pusat pemindahan.
6. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **V. JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**

1. Membantu memindahkan mangsa Bencana.
2. Membantu menyedia dan mengagihkan makanan kepada mangsa Bencana dan petugas-petugas yang mengendalikan Bencana.
3. Membantu menyediakan tempat pemindahan.
4. Membantu mengagihkan pakaian dan lain-lain keperluan kepada mangsa Bencana.
5. Membantu kawalan orang ramai di tempat kejadian Bencana.
6. Membantu kawalan lalu lintas.

## **TERHAD**

7. Membantu pembinaan pos-pos kawalan.
8. Membantu mengawal keselamatan rumah-rumah mangsa ketika mangsa berada di pusat pemindahan.
9. Membantu membersihkan tempat-tempat awam seperti sekolah-sekolah, masjid, pejabat Kerajaan dan rumah-rumah mangsa yang terlibat selepas Bencana.

## **VI. JABATAN TENAGA ATOM (Atom Malaysia)**

1. Memberi khidmat kepakaran dan nasihat teknikal berkaitan aspek-aspek keselamatan perlindungan sinaran.
2. Menilai maklumat kejadian dan menasihati Komander Operasi Bencana dalam tindakan aktiviti perlindungan sinaran dan penamatan operasi.
3. Membantu menyediakan segala peralatan dan kelengkapan tambahan yang berkaitan dalam kejadian nuklear atau radiologi.
4. Menyediakan pasukan Tindak Balas bagi mengurus, menyelaras dan bertindak balas terhadap kejadian nuklear atau radiologi.
5. Melakukan pemantauan dan penilaian radiologi dalam dan luar kawasan kejadian.
6. Melakukan pencarian dan penyelamatan bahan radioaktif.
7. Mengawal dan mencegah kontaminasi bahan radioaktif daripada merebak.
8. Memberi nasihat kepada pasukan penyelamat mengenai tindakan perlindungan daripada dedahan sinaran.
9. Memberi nasihat kepada Komander Operasi Bencana mengenai tindakan perlindungan ke atas orang awam di luar kawasan kejadian.
10. Menyelaras proses Pemulihan kawasan kejadian nuklear atau radiologi.
11. Mengumpul dan melindungi maklumat, keterangan dan barang-barang bukti/ekhibit yang berkaitan dengan kejadian nuklear dan radiologi untuk kegunaan di dalam siasatan dan pendakwaan.
12. Menjalankan siasatan terhadap kejadian nuklear dan radiologi yang berlaku bagi mengenal pasti punca kejadian.
13. Menyediakan laporan berkaitan dengan kejadian nuklear dan radiologi yang berlaku.

## **TERHAD**

14. Menilai dan mendapatkan khidmat sokongan teknikal dari Agensi Sokongan sekiranya diperlukan.
15. Menilai dan mendapatkan khidmat sokongan teknikal dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) sekiranya diperlukan.
16. Membantu menyalurkan maklumat kepada Komander Operasi Bencana untuk kenyataan media.
17. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **VII. KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

1. Bekerjasama memberikan kebenaran penggunaan institusi pendidikan bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai pusat pemindahan.
2. Memastikan kesinambungan pengoperasian pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan bawah tanggungjawab KPM selepas berlaku Bencana.
3. Menyelaras dan menjalankan perkhidmatan kaunseling, intervensi dan sokongan psikologi kepada murid/pelajar/guru yang terkesan akibat Bencana.
4. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **VIII. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)**

### **Pengurusan Wabak Penyakit Berjangkit/Zoonosis dalam Haiwan**

1. Memberi khidmat nasihat berkaitan penyakit berjangkit dan Zoonosis.
2. Membuat bayaran pampasan ke atas haiwan yang dilupuskan.
3. Menjalankan aktiviti bagi perisytiharan bebas penyakit.
4. Menjalankan kempen Kesedaran Awam penyakit berjangkit dan Zoonosis.

### **Pengurusan Haiwan Selepas Bencana**

1. Bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk kerja-kerja memindahkan semula haiwan ke tempat asal dan pelupusan bangkai haiwan.
2. Menyediakan ubat-ubatan dan vaksin serta membuat rawatan kepada haiwan mangsa Bencana.
3. Memberi khidmat nasihat kepada pemilik haiwan bagi pengurusan haiwan selepas Bencana.

## **TERHAD**

4. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

### **IX. JABATAN KIMIA MALAYSIA (KIMIA MALAYSIA)**

1. Menyediakan kakitangan terlatih, khidmat kepakaran dan perkhidmatan analisis di tempat kejadian untuk mengurus dan menyelaraskan aspek teknikal berkaitan bahan kimia dan letupan.
2. Mengenal pasti dan mengesahkan sampel-sampel dari lokasi Bencana yang melibatkan bahan-bahan kimia dan letupan.
3. Penentuan keberkesanan proses dekontaminasi.
4. Menjalankan siasatan dan menyediakan laporan berkaitan dengan Bencana industri yang melibatkan bahan kimia yang berlaku.
5. Mengumpul dan melindungi maklumat, keterangan dan barang-barang bukti/ekhibit yang berkaitan dengan bahan kimia dan letupan untuk digunakan di dalam siasatan atau pendakwaan.
6. Menganalisis sampel-sampel yang dihantar oleh agensi-agensi penguatkuasaan untuk tujuan pendakwaan di mahkamah.
7. Memberi keterangan di Mahkamah sebagai saksi pakar untuk tujuan pendakwaan dan undang-undang berkaitan.
8. Menjalankan analisis terhadap sumber air bagi memastikan ianya selamat digunakan selepas Bencana industri.
9. Menjalankan analisis terhadap kualiti udara bagi memastikan ianya bebas daripada bahan-bahan kimia berbahaya selepas Bencana industri.
10. Menasihati petugas-petugas dalam aspek keselamatan perlindungan bahan kimia sebelum dan semasa operasi mencari dan menyelamat dilaksanakan.
11. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

### **X. TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)/SYARIKAT BEKALAN ELEKTRIK NEGERI**

1. Menentukan bekalan tenaga elektrik yang berterusan dan selamat di tempat kejadian untuk memudahkan operasi mencari dan menyelamat.
2. Memastikan bekalan elektrik pulih secepat mungkin sebaik sahaja keadaan kembali seperti sediakala.
3. Memberhentikan bekalan elektrik sementara waktu di kawasan yang ditimpa Bencana atas sebab-sebab keselamatan.

## **TERHAD**

4. Menyediakan lampu dan peralatan elektrik semasa operasi mencari dan menyelamat di kawasan Bencana dilaksanakan.
5. Memberi bekalan elektrik sementara dengan menggunakan jana kuasa elektrik bergerak semasa operasi mencari dan menyelamat dilaksanakan.
6. Memberi khidmat nasihat yang diperlukan di tempat kejadian.
7. Menyediakan tenaga kerja jika diperlukan.
8. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **XI. SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (SKMM)**

1. Memastikan ketersediaan kemudahan rangkaian serta perkhidmatan komunikasi di samping penyelenggaraan serta kawal selia yang berterusan sepanjang tempoh pengendalian Bencana dan operasi mencari dan menyelamat dilaksanakan.
2. Memastikan ketersediaan kemudahan rangkaian dan perkhidmatan komunikasi bagi Bilik Operasi Bencana.
3. Memastikan ketersediaan kemudahan rangkaian serta perkhidmatan telekomunikasi alternatif untuk kegunaan agensi-agensi yang mengendalikan Bencana sewaktu ketidaaan liputan perkhidmatan komunikasi yang mungkin disebabkan oleh kegagalan operasi infrastruktur telekomunikasi Bencana.
4. Memastikan penyaluran khidmat nasihat serta penyelenggaraan oleh penyedia perkhidmatan komunikasi ke atas capaian serta peranti komunikasi yang digunakan semasa mengendalikan Bencana.
5. Menyelaras bersama syarikat-syarikat telekomunikasi dalam Negara bagi hebahan amaran Bencana kepada masyarakat.
6. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **XII. KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)**

1. Mengaktifkan Bilik Gerakan bagi aktiviti penyelarasan dan pemantauan berkaitan agromakanan yang melibatkan kumpulan sasar di sepanjang rantaian nilai.
2. Menilai dan menyelaras penilaian anggaran kerugian yang dialami oleh kumpulan sasar serta melaporkan anggaran kerugian yang telah dikenal pasti kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat.

## **TERHAD**

3. Menyelaras permohonan dan menyalurkan bantuan Bencana kepada kumpulan sasar sektor agromakanan yang mengalami kerugian akibat Bencana.
4. Menilai, menetapkan dasar serta mengeluarkan strategi, arahan dan pelan tindakan berkaitan sekuriti makanan.
5. Melaksanakan program pembangunan kapasiti dan peningkatan keupayaan kumpulan sasar bagi mempertingkatkan daya tahan mereka terhadap Bencana.
6. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

### **XIII. JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)**

#### **Pengurusan Bencana Jerebu**

1. Menyalurkan maklumat Indeks Pencemar Udara dan titik panas (*hotspot*) bagi pengurusan jerebu apabila kualiti udara tidak sihat disebabkan jerebu merentas sempadan.
2. Menjadi Agensi Peneraju dan memberi nasihat teknikal berdasarkan gerak kerja dalam Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.
3. Menyediakan laporan status kualiti udara semasa Bencana jerebu.
4. Menyediakan input untuk perisytiharan darurat jerebu ditandatangani oleh Pengerusi JPBPP.
5. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

#### **Bencana Tumpahan Minyak**

1. Menjadi Agensi Peneraju dan menyediakan input teknikal sepertimana yang digariskan dalam Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Malaysia (*Malaysia Oil Spill Contingency Plan – MOSCoP*).
2. Menjalankan siasatan ke atas punca pencemaran marin.
3. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

#### **Bencana Industri dan Buangan Berbahaya**

1. Menjalankan siasatan bagi kes yang melibatkan pelupusan haram buangan terjadual.
2. Menyelaras dan memantau kerja-kerja pembersihan tapak pelupusan haram buangan terjadual.

## **TERHAD**

3. Membantu dan menyelaras siasatan serta tindakan susulan bagi kes-kes yang melibatkan Bencana kimia/industri.
4. Menjalankan kerja-kerja pemantauan kualiti udara dan air di lokasi kejadian bagi memastikan ia tidak memberi impak yang besar kepada alam sekitar.
5. Memberi input kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat mengenai keadaan terkini Bencana dari aspek pengurusan alam sekitar dari semasa ke semasa.
6. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **XIV. PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)**

1. Bertindak sebagai Agensi Peneraju operasi Bencana udara.
2. Menyelaras operasi mencari dan menyelamat dengan bantuan Agensi SAR dalam dan luar Negara bagi kemalangan atau kecemasan udara yang tertakluk kepada Manual Mencari dan Menyelamat Aeronautika dan Maritim Kebangsaan (*National Aeronautical and Maritime Search and Rescue Manual – NAMSAR*).
3. Melaksanakan sistem pengurusan ruang udara dan perkhidmatan trafik udara bagi Agensi Tindak Balas semasa Bencana.
4. Menyediakan peralatan rakit keselamatan (*air droppable survival kit*) untuk kejadian Bencana di laut.
5. Memberikan khidmat nasihat teknikal mengenai perkara-perkara yang melibatkan pesawat.
6. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **XV. JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)**

1. Penyelarasan Maklumat GeoDataraya akan diselaraskan oleh pihak NADMA dengan struktur tadbir urus kumpulan kerja GeoDataraya Pengurusan Bencana. JUPEM akan membantu NDCC dengan menyediakan platform GeoDataraya bagi kegunaan perkongsian dan *Data as a Service* (DaaS), *Platform as a Service* (PaaS), *Infrastructure as a Service* (IaaS) dan *Knowledge as a Service* (KaaS).
2. Memastikan ketersediaan data geospatial JUPEM bagi mengenal pasti lokasi Bencana dapat dilakukan.
3. Membekalkan data teknikal dan pegawai yang memberi khidmat nasihat berkaitan pengukuran, pemetaan dan geospatial.

## **TERHAD**

4. Menyediakan data-data ketinggian bagi kawasan-kawasan dijangka mengalami risiko Bencana serta membolehkan analisis dan pemodelan dapat dilaksanakan oleh agensi berkaitan.
5. Menyediakan Peta Khas Bencana menggunakan data geospatial dan maklumat tambahan dari agensi lain bagi kegunaan Pengurusan Bencana Tahap 1, Pengurusan Bencana Tahap 2 dan Pengurusan Bencana Tahap 3.
6. Membangunkan pangkalan data geospatial yang stabil melalui *Dashboard* Bencana bagi membantu melancarkan pengurusan NADMA.
7. Bersiap siaga untuk memberikan perkhidmatan pengukuran, pemetaan dan geospatial di lapangan.
8. Menyediakan perkhidmatan *crowdsourcing* bagi mendapatkan maklumat atau situasi terkini Bencana supaya informasi berkaitan dapat disalurkan kepada yang berkaitan serta menyediakan perkhidmatan geospatial yang bersepudu.
9. Menyediakan perkhidmatan pengintegrasian maklumat melalui platform *Defence Geospatial Information Management* (DGIM).
10. Menyelaras pengintegrasian GeoData sebagai hab maklumat yang berautoritatif di peringkat strategik, operasi dan taktikal.
11. Menyediakan khidmat nasihat kepakaran dan bantuan teknikal berkenaan geospatial di PKOB NADMA, negeri dan daerah.
12. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **XVI. JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)**

1. Menyedia dan menyelaras pengumpulan, penyusunan, perkongsian dan penyebaran data, statistik dan maklumat Bencana berdasarkan *Disaster Related Statistics Framework* termasuklah bagi pengurusan dan pentadbiran data berkaitan Bencana oleh Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan dan Agensi Bantuan dan Pemulihan.
2. Menerbit dan menyebarkan statistik melalui penerbitan yang boleh diperoleh melalui Portal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan eStatistik. Antara statistik utama yang akan dibekalkan kepada NADMA adalah:
  - (a) Populasi penduduk mengikut jantina dan kumpulan umur;
  - (b) Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Nominal; dan
  - (c) Bilangan Isi Rumah.
3. Melaksanakan banci dan survei seperti Banci Penduduk dan Perumahan, Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah dan Survei Ekonomi Tahunan. Data primer yang boleh dibekalkan bagi kegunaan pengurusan Bencana adalah:

## **TERHAD**

- (a) Bilangan tempat kediaman; dan
  - (b) Bilangan syarikat/perniagaan.
4. Selain daripada data primer yang diperoleh melalui pelaksanaan survei dan banci, DOSM juga menyusun data pentadbiran daripada Agensi Kerajaan yang lain yang dikenali sebagai data sekunder. Antara data sekunder yang diterbitkan oleh DOSM adalah data penduduk seperti data kelahiran dan kematian yang diperoleh daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Data sekunder yang boleh dibekalkan bagi tujuan pengurusan Bencana di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah adalah:
    - (a) Geo-statistik data demografi dan kependudukan; dan
    - (b) Kemudahan awam.
  5. Memberi khidmat nasihat dan rundingan teknikal berkaitan:
    - (a) Metodologi penyelidikan dan pensampelan bagi survei yang dijalankan oleh NADMA dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam pengurusan Bencana; dan
    - (b) Analisis *spatial* yang melibatkan data demografi dan kependudukan bagi menyokong aktiviti pemantauan dan penilaian impak Bencana.
  6. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **XVII. JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA (MET MALAYSIA)**

### **Cuaca**

1. Memantau secara berterusan keadaan cuaca di seluruh Malaysia, mengeluarkan maklumat nasihat/amaran sekiranya terdapat kemungkinan berlaku kejadian cuaca buruk di darat dan kawasan perairan berdasarkan Prosedur Operasi Standard Penyediaan dan Penyebaran Maklumat Nasihat/Amaran Cuaca, serta mengemukakan maklumat nasihat/amaran berkenaan kepada pihak NADMA dan agensi berkaitan.
2. Menyediakan khidmat teknikal kepakaran berkaitan cuaca.
3. Melaksanakan operasi pemberihan awan.

### **Gempa bumi dan tsunami**

1. Memantau secara berterusan aktiviti seismik, mengeluarkan maklumat gempa bumi dan tsunami yang boleh mengakibatkan ancaman terhadap Malaysia dan Nasihat/Amaran Tsunami berdasarkan Prosedur Operasi Standard Pemantauan dan Pengeluaran Maklumat Gempa Bumi dan Amaran Tsunami, serta mengemukakan maklumat/nasihat/amaran berkenaan kepada pihak NADMA dan agensi berkaitan.

## **TERHAD**

2. Menyediakan khidmat teknikal kepakaran berkaitan gempa bumi dan tsunami.
3. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **XVIII. JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA (JMG)**

1. Mengenal pasti dan memetakan kawasan yang mempunyai ancaman Bencana geologi (tanah runtuh, jatuhan batuan, aliran puing/lumpur, bahaya seismik, lubang benam, tanah mendap dan likuifaksi (*liquefaction*)).
2. Mengenal pasti dan memetakan kawasan bahaya dan risiko serta menentukan zon kawalan dan bahaya di kawasan Bencana geologi.
3. Membangunkan Sistem Amaran Awal Bencana Geologi berdasarkan komuniti di kawasan yang dikenal pasti titik panas (*hotspot*) Bencana geologi.
4. Menyediakan laporan, khidmat teknikal dan perkongsian kepakaran dalam Pengurangan Risiko Bencana geologi.
5. Menyediakan bekalan air bawah tanah bagi kawasan Bencana yang terkesan semasa kemarau, banjir dan kebakaran gambut.
6. Menyedia dan mengintegrasikan Pendigitalan Sistem Maklumat Pengurusan Bencana Geologi Bersepadu.
7. Melaksanakan mitigasi bukan struktur berbentuk pengurusan risiko Bencana geologi berteraskan komuniti melalui NADMA bagi membangunkan komuniti selamat di kawasan yang terdedah terhadap Bencana geologi.
8. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## **XIX. PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)**

1. Agensi utama menyelaraskan pembangunan standard geospatial melalui perundingan antara Kerajaan Persekutuan, Negeri, akademia dan swasta.
2. Pusat Sehenti (*One-Stop Centre*) perkongsian maklumat geospatial, melalui penyelarasan dan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Negeri, akademia dan swasta.
3. Membangunkan platform perkhidmatan *web* bagi perkongsian maklumat geospatial untuk penggunaannya oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri, akademia dan swasta.
4. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

**XX. BAHAGIAN BEKALAN AIR (BBA)/SYARIKAT BEKALAN AIR NEGERI**

1. Membekalkan air dan menaikkan tekanan air di kawasan yang memerlukannya (di mana bekalan air adalah di bawah jagaan BBA/Syarikat Bekalan Air Negeri) dan melaksanakan perkara-perkara yang tertakluk kepada bidang kuasa dan tanggungjawabnya.
2. Menentukan bekalan air yang berterusan dan selamat di tempat kejadian untuk memudahkan operasi mencari dan menyelamat.
3. Memastikan bekalan air pulih secepat mungkin sebaik sahaja keadaan kembali seperti sediakala.
4. Memberhentikan bekalan air sementara waktu di kawasan yang ditimpa Bencana atas sebab-sebab keselamatan.
5. Menyediakan tangki air sementara semasa operasi mencari dan menyelamat di kawasan Bencana dilaksanakan.
6. Memberi khidmat nasihat yang diperlukan di tempat kejadian.
7. Menyediakan tenaga kerja apabila diperlukan.
8. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

**XXI. AGENSI ANGKASA MALAYSIA (MUSA)**

1. Membangun dan mengoperasikan sistem aplikasi pengurusan Bencana yang berteraskan teknologi *remote sensing*, Sistem Maklumat Geografi (GIS), Sistem Penentududukan Global (GPS) dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).
2. Menyedia akses secara dalam talian kepada JPB/PBN/JPBD dan agensi-agensi yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat kawasan kejadian Bencana seperti imej satelit kawasan yang dilanda banjir, keluasan kawasan yang dilanda banjir, lokasi pusat pemindahan, jalan-jalan yang ditenggelami banjir, kemudahan logistik yang terdapat di pusat-pusat pemindahan, pangkalan hadapan dan kawasan yang lazim berlakunya Bencana.
3. Melaksana analisis dan pemodelan seperti mengukur keluasan kawasan yang dilanda Bencana, jarak satu lokasi ke satu lokasi, mengenal pasti pusat pemindahan yang berdekatan dan ramalan awal kejadian Bencana.
4. Menjana maklumat sebagai input bagi perancangan logistik persediaan menghadapi Bencana, siasatan dan penilaian kerosakan akibat Bencana khususnya kerosakan tanaman dan kemusnahan penempatan.
5. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

**XXII. AGENSI TEKNIKAL DAN PAKAR (AGENSI PENERAJU)**

1. Menyediakan perkhidmatan teknikal dan pakar dalam sesuatu Bencana yang sedang dihadapi.
2. Memberikan nasihat kepakaran kepada Agensi Tindak Balas dalam Tindak Balas Bencana.
3. Merupakan Agensi Peneraju bagi Bencana berikut:
  - (a) **Bencana Maritim**
    - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
    - Jabatan Alam Sekitar (JAS)
  - (b) **Bencana Udara**
    - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
  - (c) **Bencana Angkasa**
    - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
  - (d) **Bencana Kimia, Biologi, Radiologi, Nuklear dan Letupan**
    - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
  - (e) **Bencana Jerebu**
    - Jabatan Alam Sekitar (JAS)
  - (f) **Bencana Pandemik/Epidemik**
    - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
  - (g) **Bencana Zoonosis**
    - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS); dan
    - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)


**XXIII. BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM)**

1. Membantu tugas JKM seperti menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan, memasak dan menghidangkan makanan, mengedarkan barang keperluan seperti pakaian, selimut, menjalankan pendaftaran serta Pemulihan kepada mangsa Bencana.
2. Membantu lain-lain agensi dalam menyelamat dan memindahkan mangsa Bencana.
3. Membantu KKM dalam memberi pertolongan kecemasan serta lain-lain bantuan kecemasan dan kesihatan di pusat pemindahan.
4. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

**XXIV. BADAN BERKANUN, PIHAK SWASTA DAN BADAN-BADAN SUKARELA SERTA ORANG PERSEORANGAN**

1. Membantu Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan/atau Agensi Peneraju dalam setiap fasa pengurusan Bencana meliputi bantuan makanan, bekalan air bersih, Pemulihan awal, komunikasi kecemasan, kesihatan, perubatan, logistik, perlindungan keselamatan, pusat pemindahan, pendidikan dan Kesedaran Awam dan sebagainya.
2. Bantuan hendaklah dilapor dan diselaraskan di PKOB atau PKTK atau di pusat pemindahan, bergantung kepada bentuk bantuan yang diberikan.
3. Menjalankan tugas-tugas pasca Bencana.

## CARTA PENYALURAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI PENGURUSAN DAN BANTUAN BENCANA



TERHAD

LAMPIRAN M

TERHAD





